

Sultan bangga ukiran  
Mah Meri diiktiraf

2

Tengku Amir Shah  
Pro Canselor UPM

7

Projek tebatan  
banjir ikut jadual

7

Turap jalan kurang  
risiko kemalangan

6

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 22 - 28 OGOS 2024

www.selangorkini.my

## Negeri guna kadar kiraan gaji pusat

Selangor guna formula kiraan kadar kenaikan gaji penjawat awam yang diputuskan kerajaan persekutuan selain sediakan peruntukan tambahan untuk pastikan proses bayaran berjalan lancar

MUKA 4

### Persiapan hadapi musim tengkujuh

Semua jentera diletak dalam keadaan berjaga-jaga khususnya di lokasi berisiko banjir yang telah dikenal pasti. Pihak berkuasa tempatan juga adakan simulasi bagi tangani kemungkinan banjir kilat

MUKA 2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Kemajuan Desa Datuk Rizam Ismail meneliti peta cadangan zon guna tanah dan draf rancangan tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2035 (penggantian) di Sabak Bernam pada 20 Ogos 2024. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ► BERITA MUKA 4 & 6

PNB ASNB  
**MSAM**

Minggu Saham Amanah Malaysia  
Setia City Convention Centre, Setia Alam  
Shah Alam, Selangor

22 - 25 Ogos 2024  
10 pagi - 10 malam

Masuk Percuma

Peluang mudah,  
hadiah hebat!  
Sertai dan menang\*

\*Tertakluk pada perubahan

Imbas di sini  
untuk maklumat lanjut



Kukuhkan Hudup Anda di MSAM



RAKAN PREMIER

RAKAN UTAMA

RAKAN





## Berlapang dada terima teguran

**SABAK BERNAM** - Penjawat awam negeri ini perlu berlapang dada menerima teguran daripada mana-mana pihak bagi memastikan pelaksanaan tadbir urus yang lebih baik.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata teguran itu akan menjadikan kerajaan sedia ada lebih kemas, selain terus relevan dan berjaya untuk jangka masa panjang.

"Tegurlah, katalah apa pun. Kita kini jelas berada pada sasaran dan landasan yang betul, cuma perlu diperkemas lagi (tadbir urus) selain menjelaskan pelaksanaan perkhidmatan.

"Pasukan saya dan penjawat awam kena terima dan hadam semula dengan hati terbuka dan melaksanakan pembaikan. Ini 'resipi' untuk terus berjaya dan relevan pada hari ini dan akan datang," katanya pada 20 Ogos.

## Persiapan rapi hadapi tengkujuh

**SHAH ALAM** - Selangor membuat persiapan awal bagi menghadapi musim tengkujuh yang dijangka berlaku sekitar November dengan semua jentera diletak dalam keadaan berjaga-jaga.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi memberitahu lokasi titik panas dan berisiko banjir di seluruh negeri juga telah dikenal pasti.

"Kawasan titik panas yang dipantau adalah Hulu Langat yang sentiasa menjadi sasaran untuk menghadapi banjir. Selain itu, Sungai Buloh turut berada bawah pengawasan rapi.

"Unit Pengurusan Bencana Selangor juga telah turun ke setiap daerah untuk mengenal pasti setiap isu dan masalah dalam membuat persiapan," katanya pada 17 Ogos.

Najwan menambah kebanyakan pihak berkuasa tempatan juga mengadakan simulasi terutama kawasan yang dikenal pasti berisiko bagi menghadapi kemungkinan banjir kilat.

**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas



# Titah tingkat kemudahan Orang Asli

**KUALA LANGAT** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan Kerajaan Negeri dan persekutuan terus menyediakan serta menyelenggara keperluan asas masyarakat Orang Asli dengan baik.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah kemudahan itu termasuk jalan raya, elektrik, klinik kesihatan dan sekolah, yang perlu disediakan dengan sempurna bagi kemajuan golongan tersebut.

"Kerajaan Negeri khususnya perlulah peka terhadap keperluan masyarakat Orang Asli di Selangor dan bersedia membantu untuk pembangunan serta

kemajuan golongan itu.

"Beta tidak mahu mereka dibiarkan ketinggalan daripada arus pembangunan," titah Baginda ketika merasmikan buku Orang Asli Mah Meri bertajuk Moyang-Spirit of Carey Island di sini pada 19 Ogos.

Baginda turut menitahkan Jabatan Kemajuan Orang Asli membantu dan membimbing Orang Asli dalam menjalani kehidupan harian untuk menikmati pembangunan serta kemajuan dengan cara tersendiri.

Pada masa sama, Sultan Selangor juga menitahkan pihak kerajaan dan swasta memberi sumbangan sewa-

jarnya bagi membina serta membaiki semula Perkampungan Budaya Mah Meri yang dilanda ribut.

"Beta sedia maklum majlis perasmian buku ini sepatutnya diadakan di Kampung Sungai Bumbun, namun tidak dapat dibuat kerana perkampungan tersebut dilanda ribut dan banyak kerosakan.

"Beta dengan penuh simpati menyeru kerajaan dan swasta memberi bantuan sewajarnya bagi membina dan memperbaiki semula perkampungan tersebut supaya kembali menjadi tempat yang sesuai dikunjungi masyarakat dan pelancong asing," titah Baginda.

## Sultan Sharafuddin rasmi buku Orang Asli

# Bangga seni ukiran Mah Meri diiktiraf

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**KUALA LANGAT** - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor berkenan merasmikan buku Orang Asli Mah Meri berjudul Moyang-Spirit of Carey Island karangan pakar Orang Asli, Rashid Esa.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mengucapkan tahniah kepada Rashid yang juga pengarah Perkampungan Budaya Mah Meri atas naskhah yang menjadi panduan untuk memajukan Orang Asli.

Baginda juga berbangga atas keunikan kaum Mah Meri yang menerima 22 pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) dalam seni ukiran kayu.

"Beta difahamkan kaum Mah Meri menetap di Pulau Carey lebih 300 tahun lalu. Tradisi, elemen seni dan ke-

percayaan kaum ini dicatat terperinci dalam buku ini sebagai rujukan generasi masa depan.

"Dengan adanya buku ini, juga produk kraftangan serta pelancongan, kaum Mah Meri akan lebih terkenal seterusnya menambahkan lagi ekonomi dan taraf hidup mereka," titah Baginda pada 19 Ogos.

Keberangkatan Sultan Sharafuddin ke Amverton Cove, Golf & Island Resort di sini bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin.

Turut serta, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan isteri Datin Seri Masdiana Muhammad.

Sultan Selangor bersama Tengku Permaisuri dan Raja Muda turut melawat ukiran hasil karya kaum Mah Meri serta dipersembahkan tarian tradisional.

Sultan Sharafuddin berharap buku

setebal 190 halaman itu mendedahkan masyarakat dengan keistimewaan Orang Asli dan menarik minat pengkaji sejarah atau penggiat seni.

"Beta percaya setiap kaum Orang Asli di negara ini mempunyai adat, tradisi dan seni tersendiri yang masih belum diketahui umum.

"Kaum Orang Asli lain seperti Temuan, Negrito atau Senoi juga harus mempunyai buku seperti ini agar adat tradisi dan kesenian terus terpelihara serta dihargai," titah Baginda lagi.

Buku Moyang: Spirit People of Carey Island mengupas sejarah, budaya, bahasa, sosioekonomi dan ekspresi seni suku Mah Meri berdasarkan pemerhatian Rashid selama 35 tahun.

Karya itu bukan sahaja menonjolkan ukiran Moyang yang diiktiraf Unesco, malah menyelami cabaran yang dihadapi masyarakat Mah Meri yang kini berjumlah kurang 5,000 orang.

# Pelan galak penyertaan Bumiputera

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari percaya Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) berupaya menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor tersebut.

Beliau memberitahu pelan berkenaan juga dapat meningkatkan taraf dan mutu kehidupan masyarakat Bumiputera sekali gus merapatkan jurang ekonomi antara kaum di negara ini.

"PuTERA35 pelan komprehensif merentas lebih satu dekad yang tidak bersifat eksklusif kepada Bumiputera

sahaja, malah turut memanfaatkan kaum lain," katanya di Facebook pada 20 Ogos.

Amirudin antara pemimpin yang hadir majlis pelancaran pelan berkenaan yang disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya pada 19 Ogos.

Beliau menjelaskan Selangor akan memastikan perancangan dalam PuTERA35 dijayakan sekali gus membawa limpahan manfaat berterusan kepada pembangunan dan kemajuan negeri serta rakyat.

Katanya, PuTERA35 mengambil kira

pandangan Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 yang melibatkan usaha bersepadu semua pihak termasuk sektor awam dan swasta serta bukan Bumiputera.

Menurut ahli parlimen Gombak itu, pelan tersebut membangunkan Bumiputera berciri dinamik dan futuristik yang berupaya mendepani cabaran melalui penetapan sasaran dan pihak pelaksana.

Amirudin percaya sasaran tersebut menjadi kayu ukur tahap penyertaan, pemilikan dan penguasaan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna.



ANTARA GAPI



ZUMBA • KAYUHAN SANTAI • TRAK MAKANAN • ZOO MINI  
• PERTANDINGAN MEWARNA • KONSERT MINI • CABUTAN  
BERTUAH • PERTANDINGAN FOTOGRAFI • PERTANDINGAN  
PAKAIAN BERAGAM JIWA MERDEKA • SATU JAM BERSAMA  
PENCETUS UMMAH • PERTANDINGAN MEMBUKA & MAKAN  
DURIAN • PERTANDINGAN KARAOKE • SUKAN RAKYAT



**SAKSIKAN SIARAN  
SECARA LANGSUNG  
PERLAWANAN AKHIR  
PIALA FA DI ANTARA  
SELANGOR FC  
VS JDT FC (JOHOR)**

**PENAMPILAN ISTIMEWA**



**DATO'  
HATTAN**



**PU RAHMAT  
IKHSAN**



**BOB SENTUHAN  
BUSKERS**



**SAJER  
BUSKERS**



**Najwa  
Latif**

Dibawakan oleh:

Dengan kerjasama:

☎ 03 5525 0300

pkns.gov.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor  
PKNS OFFICIAL

**PKNS  
HOMES**





## Edar 60,000 bendera kepada PBT

**SHAH ALAM** - Sebanyak 60,000 Jalur Gemilang disediakan kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan, kata EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail.

Beliau memberitahu semua PBT yang menerima 5,000 bendera itu setiap satu akan mengedarnya kepada segenap lapisan masyarakat sekali gus menyemarakkan semangat patriotik orang ramai.

"Saya juga melihat banyak premis dan syarikat menjalankan program sempena Bulan Kemerdekaan. Kita memang menggalakkan mereka mengadakan acara sebegini," katanya pada 18 Ogos.

Kempen Kibar Jalur Gemilang 2024 dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 21 Julai untuk menyuburkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan rakyat.

Sambutan Hari Kebangsaan ke-67 bertema Malaysia Madani: Jiwa Merdeka dijadual berlangsung di Putrajaya pada 31 Ogos manakala sambutan Hari Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah.

## Kaunseling percuma di tiga PBT

**SHAH ALAM** - Pusat Kaunseling Selangor (PKS) menyediakan perkhidmatan percuma meliputi tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membantu masyarakat yang berdepan isu kesihatan mental.

Menurut Kaunselor Mohamad Fuad Mohd Ali, hab kaunseling di Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang dibuka setiap Sabtu mulai 9 pagi hingga 1 tengah hari.

Katanya, perkhidmatan sama ditawarkan di Kompleks PKNS Shah Alam, Seksyen 14 antara Isnin hingga Jumaat mulai 11 pagi hingga 3 petang dan 9 pagi hingga 5 petang pada Sabtu dan Ahad.

Dalam program bual bicara di Media Selangor pada 13 Ogos, Fuad juga memohon mangsa buli untuk tampil dan berkongsi masalah dengan mendapatkan bantuan daripada kaunselor bertauliah.

"Orang ramai yang memerlukan perkhidmatan kaunseling dan psikologi boleh berhubung terus dengan PKS, kami sentiasa ada untuk membantu anda," katanya.

Mereka yang ingin membuat janji temu boleh hubungi 03-5519 0500 atau WhatsApp 013-300 9291 dan ikuti Facebook Pusat Kaunseling Selangor-Talian Sahabat.

## Jambatan kedua ke Perak siap 2026

**SABAK BERNAM** - Jambatan kedua yang menghubungkan Sungai Air Tawar di sini ke Hutan Melintang, Perak dijadual siap Disember 2026, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu pembinaan kemudahan sepanjang 2.9 kilometer sejak pertengahan tahun 2022 itu yang menelan kos lebih RM210 juta memendekkan tempoh perjalanan kira-kira 30 minit.

"Ini sebahagian projek persekutuan yang menghubungkan Sungai Air

Tawar ke Hutan Melintang, Perak dan juga dilengkapi dengan pusingan U bagi memudahkan pengguna.

"Jambatan ini menghubungkan penduduk dan lokaliti di sini yang terpaksa bergerak antara 20 hingga 30 kilometer jika ingin ke Perak dengan melalui jambatan pekan Sabak.

"Projek ini lewat kerana isu tanah di Perak dan reka bentuk tetapi dijadual siap Disember 2026. Kini, dalam proses pemasangan cerucuk," katanya ketika melawat jambatan itu pada 20 Ogos.

Menurut Amirudin, pembinaan

jambatan yang merentasi Sungai Bernam menjadi pemangkin kepada keberkesanan projek yang diterkandung dalam Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA).

"Kita ada beberapa perancangan tertentu yang sedang dirangka dan diteliti Pengerusi SABDA Datuk Rizam Ismail sekali gus membantu pembangunan di Sabak Bernam," katanya.

Turut hadir, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim, EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim serta Pengarah Projek Ir Dr Ahmad Shukri Abd Rashid.

## Selangor ikut kaedah persekutuan

# Dana tambahan menaikkan gaji

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SABAK BERNAM** - Kerajaan Selangor akan menyediakan peruntukan tambahan bagi membiayai kenaikan gaji penjawat awam negeri ini yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pentadbirannya juga mengikut kaedah sama yang dilakukan kerajaan persekutuan berkuat kuasa Disember tahun ini.

"Kita sedang kira impaknya tetapi bersedia dengan kemungkinan itu

(pelarasan gaji) dan mungkin peruntukan tambahan diperlukan untuk membiayai peningkatan tersebut.

"Perkara ini (kenaikan) akan diumumkan setelah siap (kertas kerja) dan dibuat (kuat kuasa) pada Disember dengan kadar dan kaedah sama mengikut persekutuan," katanya.

Beliau ditanya selepas merasmikan program publisiti dan penyertaan awam draf rancangan tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam Selangor 2035 (Penggantian) di sini pada 20 Ogos.

Pada 16 Ogos, perdana menteri

mengumumkan pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada pegawai kumpulan pelaksana dan pengurusan dan profesional secara berfasa bermula 1 Disember 2024.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim, kumpulan pengurusan tertinggi pula menerima kenaikan tujuh peratus, juga dibayar secara berfasa dengan bayaran kedua pada 1 Januari 2026.

Kali terakhir kenaikan gaji penjawat awam sekitar 13 peratus pada 2013, yang juga melibatkan pesara dengan kadar ditentukan mengikut kenaikan gaji akhir.

## Kongsi industri halal di Jepun

**SHAH ALAM** - Selangor berkongsi kepakaran berkaitan ekosistem industri halal terutama pengurusan perkhidmatan logistik dan pensijilan halal di Nagoya, Jepun pada bulan depan.

EXCO Industri Halal Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata Jepun berminat mengikuti latihan bidang itu bersama Selangor ekoran ekosistem halal di negeri ini dan Malaysia lebih terkehadapan.

"September ini wakil Halal Interna-

tional Selangor (HIS) Toyyiba Sdn Bhd ke Jepun untuk beri latihan, mengajar banyak perkara berkait ekosistem halal terutama perkhidmatan logistik.

"Ia syarikat perunding yang besar di Jepun. Jadi, kita ambil peluang ini luaskan rangkaian mengenai ekosistem halal, proses pensijilan dan sebagainya," katanya pada 16 Ogos.

Beliau memberitahu ia hasil lawatan ke Jepun pada Julai ketika menghadiri

Persidangan Techno Frontier 2024 iaitu persidangan pameran teknologi perkasakan automasi pengilangan terbesar.

"Saya sempat bertemu beberapa badan pentauliah halal di Jepun dan mempelawa mereka ke persidangan Persidangan Halal Antarabangsa Selangor (Selhac) 2024 di Kuala Lumpur," katanya.

Selhac 2024 yang dijadual pada 16 hingga 19 Oktober menyasar padanan perniagaan bernilai RM61 juta, meningkat 10 peratus berbanding tahun lalu.

### Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
22 Khamis	5:51	6:01	7:09	1:19	4:32	7:24	8:35
23 Jumaat	5:51	6:01	7:09	1:19	4:31	7:24	8:34
24 Sabtu	5:51	6:01	7:09	1:18	4:31	7:24	8:34
25 Ahad	5:51	6:01	7:08	1:18	4:30	7:23	8:33
26 Isnin	5:50	6:00	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33
27 Selasa	5:50	6:00	7:08	1:17	4:28	7:22	8:32
28 Rabu	5:50	6:00	7:08	1:17	4:27	7:22	8:32

### Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:52	6:02	7:10	1:19	4:33	7:24	8:35
	5:52	6:02	7:10	1:19	4:32	7:24	8:34
	5:52	6:02	7:10	1:19	4:32	7:24	8:34
	5:52	6:02	7:09	1:19	4:31	7:23	8:33
	5:52	6:02	7:09	1:18	4:30	7:23	8:33
	5:51	6:01	7:09	1:18	4:29	7:22	8:32
	5:51	6:01	7:09	1:18	4:29	7:22	8:32

### Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:53	6:03	7:10	1:21	4:34	7:27	8:37
	5:53	6:03	7:10	1:21	4:33	7:26	8:37
	5:53	6:03	7:10	1:21	4:33	7:26	8:36
	5:53	6:03	7:10	1:20	4:32	7:26	8:36
	5:53	6:03	7:10	1:20	4:31	7:25	8:35
	5:53	6:03	7:09	1:20	4:30	7:25	8:35
	5:52	6:02	7:09	1:20	4:29	7:24	8:34



Julat peningkatan capai 42.7 peratus

# Kenaikan kadar gaji sehingga 15 peratus

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kadar baharu gaji penjawat awam yang meningkat sehingga 15 peratus, pertambahan terbesar dalam sejarah tanah air.

Beliau yang juga menteri kewangan memberitahu kenaikan secara berperingkat itu berkuat kuasa 1 Disember untuk fasa pertama manakala fasa kedua pada 1 Januari 2026.

Katanya, julat peningkatan antara 16.8 hingga 42.7 peratus selepas mengambil kira pergerakan gaji tahunan pada 2025 dan kenaikan gaji fasa dua.

Kenaikan seperti berikut:

- 15 peratus untuk kumpulan pelaksana, pengurusan dan profesional (lapan peratus pada fasa satu dan

tujuh peratus fasa dua)

- tujuh peratus untuk kumpulan penguurusan tertinggi (empat peratus pada fasa satu dan tiga peratus fasa dua)

Anwar yang juga menteri kewangan menjelaskan kerajaan tidak mahu sewenang-wenangnya memberi layanan sama kepada semua kakitangan dalam aspek ganjaran dan pengiktirafan.

"Siapa yang cemerlang, akan dapat ganjaran, siapa gagal mempamer prestasi yang baik, akan dikenakan tindakan.

"Mesejnya jelas supaya penjawat awam yang tidak menunjukkan prestasi kerja baik, culas, tidak hadir ke pejabat tanpa kelulusan ketua jabatan tidak diberi ganjaran," katanya.

Pengumuman dibuat dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 di Putrajaya pada 16 Ogos melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam

(SSPA) menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM).

Anwar juga menegaskan langkah berkenaan sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap penjawat awam selepas 12 tahun tidak semakan kenaikan gaji.

Perbaharuan lain antaranya:

- kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara
- galak penugasan berbilang (multitasking) dan kemahiran berbilang (multiskilling)
- perkhidmatan tidak relevan, bertindih dan terencil dipindah kepada skim lain
- seragam dan kelaskan semula gred jawatan ikut keperluan semasa
- audit perjawatan bagi kenal pasti ketidakseimbangan di kementerian dan agensi
- amalan kongsi sumber perwakilan di luar negara dalam bidang sama

## MB diundang ke program pesantren

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menerima undangan program bual bicara dan silaturahmi di Pondok Pesantren Luhur Al-Tsaqafah, Jakarta Selatan, Indonesia.

Dalam program kira-kira dua jam atas jemputan sarjana Islam Indonesia Prof Dr KH Said Aqil Sirodj, beliau berkongsi usaha memartabat syiar Islam dan keharmonian beragama di negara ini.

Dalam sesi itu, Amirudin berkongsi sifat saling menghormati dan persefahaman dalam kalangan masyarakat berbeza agama di Malaysia membolehkan keharmonian beragama dicapai di Malaysia.

Turut menjawab soalan berkaitan perkembangan sistem pendidikan Islam di Malaysia, beliau berkata nilai akhlak sebagai contoh dipraktikkan bagi mencapai keamanan hidup beragama.

"Akhlak berkait dengan ihsan. Rata-rata orang Melayu menyebut ihsan itu seperti belas kasihan sedangkan perkataan itu lebih besar maknanya, merangkumi asas kehidupan umat Islam," katanya.

Dalam program pada 14 Ogos, Dr KH Said Aqil turut memuji inisiatif Kerajaan Selangor dalam menyemarak keilmuan turath Islam.



**UNIT/ LOT BUMIPUTERA**  
**POTONGAN HARGA BUMIPUTERA**



**ELEMEN RESIDENCES**  
RUMAH TERES 2 TINGKAT  
26' x 80'



**FREESIA RESIDENCES**  
RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT  
46' x 80' / 38' x 90'



**GEMALA RESIDENCES**  
RUMAH TERES 2 TINGKAT  
32' x 75' / 32' x 87'



**HANA RESIDENCES**  
RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT / RUMAH SEBESUAH 2 & 3 TINGKAT  
45' x 80' / 55' x 80' / 60' x 100' / 80' x 100'



**1700 81 8868**  
tropicanaaman.com.my

**TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY**  
No. 2, 1, Persiaran Tropicana Aman, Bandar Tropicana Aman,  
42500 Telok Panglima Garang, Selangor.







ELEMEN | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-6/11-2023/0384(R)-(S) • Tempoh Sah: 19/11/2022 - 18/11/2023 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langkat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MOKL/KKB/2/4/1332/101 • Tarikh Dijangka Siap: Oktober 2023 • Pegegan Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2010) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 233 Unit; Jenis A1: 20 unit; Jenis A2: 10 unit; Jenis B: 107 unit; Jenis B1: 20 unit; Jenis B2: 20 unit • Harga Jualan: RM1,166,800 (Min.) - RM2,644,800 (Maks.) Jenis A1: RM1,521,800 (Maks.); Jenis A2: RM1,782,800 (Min.) - RM2,170,800 (Maks.); Jenis A3: RM2,102,800 (Min.) - RM2,664,800 (Maks.); Jenis B1: RM1,667,800 (Min.) - RM1,736,800 (Maks.); Jenis B2: RM1,697,800 (Min.) - RM1,800,800 (Maks.); Jenis B3: RM1,729,800 (Min.) - RM2,297,800 (Maks.) • Keluasan Bangunan: 3,013.89 kpa (Min.) - 3,372.12 kpa (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kpa (Min & Maks.); Jenis B: 3,073.89 kpa (Min & Maks.); Jenis B1: 3,142.31 kpa (Min & Maks.); Jenis B2: 3,142.31 kpa (Min & Maks.) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Keperluan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Hegeri. FREESIA | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024-14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-8/02-2025/0109(R)-(S) • Tempoh Sah: 15/02/2024-14/02/2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langkat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPKL/KKB/2/4/172/2021 • Tarikh Dijangka Siap: Februari 2025 • Pegegan Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tarikh Luput: 08/11/2010) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 116 Unit (Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A: 39 Unit; Jenis A1: 12 Unit; Jenis B: 44 Unit; Jenis B1: 12 Unit; Jenis B2: 5 Unit; Jenis C: 3 Unit; Jenis C1: 1 Unit) • Bahi Dijaja: Rumah Teres 2 Tingkat • Jenis A: Bahi Dijaja; Jenis A1: Bahi Dijaja; Jenis B: Bahi Dijaja; Jenis B1: Bahi Dijaja; Jenis B2: Bahi Dijaja; Jenis C: Bahi Dijaja; Jenis C1: Bahi Dijaja • Harga Jualan: Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A: RM 1,541,800 (Min.) - RM 1,666,800 (Maks.); Jenis A1: RM 1,785,800 (Min.) - RM 2,033,800 (Maks.); Jenis B: RM 1,540,800 (Min.) - RM 1,574,800 (Maks.); Jenis B1: RM 1,756,800 (Min.) - RM 2,055,800 (Maks.); Jenis B2: RM 1,949,800 (Min.) - RM 1,991,800 (Maks.); Jenis C: RM RM 1,541,800 (Min.) - RM 1,666,800 (Maks.); Jenis C1: RM 1,850,800 (Min. & Maks.) • Keluasan Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A: 2,787 kpa (Min. & Maks.); Jenis A1: 2,860 kpa (Min. & Maks.); Jenis B: 2,648 kpa (Min. & Maks.); Jenis B1: 2,750 kpa (Min. & Maks.); Jenis B2: 2,750 kpa (Min. & Maks.); Jenis C: 2,648 kpa (Min. & Maks.); Jenis C1: 2,750 kpa (Min. & Maks.) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Keperluan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Hegeri. GEMALA | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-9/10-2025/0424(R)-(S) • Tempoh Sah: 18/10/2022 - 17/10/2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langkat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPKL/KKB/2/4/16/2022 • Dijangka Siap: Oktober 2025 • Pegegan Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tarikh Luput: 08/11/2010) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Berbilang 2 Tingkat • Rumah Jumlah Unit: 130 Unit; Jenis A: 5 Unit; Jenis B: 21 Unit; Jenis C: 44 Unit; Jenis D: 60 Unit • Harga Jualan: Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis A: RM 4,288,800 (Min.) - RM 5,570,800 (Maks.); Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis C: RM 2,338,800 (Min.) - RM 3,359,800 (Maks.) • Keluasan Bangunan: Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis A: 9,052 kpa (Min. & Maks.); Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis B: 5,745 kpa (Min. & Maks.); Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis C: 4,450 kpa (Min. & Maks.); Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis D: 4,004 kpa (Min. & Maks.) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Keperluan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Hegeri. HANA | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-10/10-2025/0424(R)-(S) • Tempoh Sah: 18/10/2022 - 17/10/2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langkat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPKL/KKB/2/4/16/2022 • Dijangka Siap: Oktober 2025 • Pegegan Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tarikh Luput: 08/11/2010) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Berbilang 2 Tingkat • Rumah Jumlah Unit: 130 Unit; Jenis A: 5 Unit; Jenis B: 21 Unit; Jenis C: 44 Unit; Jenis D: 60 Unit • Harga Jualan: Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis A: RM 4,288,800 (Min.) - RM 5,570,800 (Maks.); Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis C: RM 2,338,800 (Min.) - RM 3,359,800 (Maks.) • Keluasan Bangunan: Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis A: 9,052 kpa (Min. & Maks.); Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis B: 5,745 kpa (Min. & Maks.); Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis C: 4,450 kpa (Min. & Maks.); Rumah Berbilang 2 Tingkat Jenis D: 4,004 kpa (Min. & Maks.) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Keperluan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Hegeri. Dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pindah milik setiap permohonan kebenaran pindah milik berikutnya hendaklah disertakan dengan surat persetujuan daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan bagi pindah milik daripada pemaju kepada penerima pindah milik yang tidak tertakluk kepada permohonan kebenaran pindah milik berikutnya hendaklah disertakan dengan surat persetujuan daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.



## Kerja baik pulih tebing selesai

**SABAK BERNAM** - Kerja baik pulih Jalan Bagan Pasir, Tanjong Karang sepanjang 80 meter di sini yang rosak akibat runtuh tebing dijangka siap sepenuhnya minggu depan.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata setakat ini hanya kerja turapan sahaja sedang dijalankan sebelum dibuka kepada umum.

"Insya-Allah, dalam tempoh sekitar seminggu sahaja lagi orang awam sudah mula boleh melalui kawasan tersebut dengan selamat," katanya ketika meninjau kerja baik pulih pada 20 Ogos.

Ir Izham menjelaskan tebing berkenaan runtuh disebabkan hakisan air sungai yang terlalu deras susulan itu sebahagian jalan terkesan turut runtuh dan retak.

## Waspada fenomena air pasang besar

**SHAH ALAM** - Orang ramai diminta bersedia dan peka dengan fenomena air pasang besar yang diramal berlaku di stesen Pelabuhan Klang selama tujuh hari sehingga 26 Ogos.

Menerusi infografik Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Klang di laman sosial, bacaan paras air laut dijangka mencatatkan sehingga 5.5 meter pada pagi Khamis 22 Ogos dan Jumaat 23 Ogos.

Ribut petir turut diramal pada sebelah malam sepanjang dua hari berkenaan. Cuaca sama dijangka berlaku pada sebelah pagi mulai Sabtu 24 Ogos hingga Isnin 26 Ogos.

Untuk bantuan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian kecemasan 999 atau Pusat Operasi Bencana Daerah Klang di talian 03-3371 6700 atau Whatsapp 010-973 1963.

## Peluang bimbingan digital percuma

**SHAH ALAM** - Seramai 200 peserta berpeluang menerima bimbingan keusahawanan digital secara percuma melalui program Selangor 1000 Digital pada 5 September di Hulu Langat.

Menurut Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec), program tersebut dijadual berlangsung di Dewan Seri Cempaka, Kajang antara 9 pagi hingga 5 petang.

"Belajar secara percuma daripada pakar industri seperti TikTok Shop, Touch 'n Go eWallet, Maxis Business dan banyak lagi," kata kenyataan di Facebook pada 16 Ogos.

Terhad kepada 200 peserta, orang ramai boleh mendaftar menerusi pautan [t2u.asia/e/35232](https://t.me/asia/e/35232)

Sebelum ini, EXCO Keusahawanan Najwan Halimi berkata Kerajaan Negeri memperkenalkan program berkenaan bagi memperluaskan transformasi digital dalam kalangan usahawan tempatan.

## Ejen pendamai, kukuh perpaduan

**SHAH ALAM** - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Selangor memberi tauliah kepada 87 individu sebagai ahli Mediator Komuniti, kata EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail.

Beliau memberitahu mereka yang dilantik di setiap daerah itu berperanan sebagai ejen pendamai dalam menangani perselisihan atau krisis yang boleh menggugat keharmonian dalam masyarakat.

Katanya lagi, ahli berkenaan yang terdiri daripada pemimpin masyarakat selain sukarelawan yang dilatih memberi perkhidmatan secara percuma kepada orang awam.

"Orang ramai yang ada masalah seperti pergaduhan dengan jiran atau sebagainya boleh bertemu mereka di pejabat perpaduan daerah," katanya.

Mediator Komuniti antara usaha kerajaan bagi menjayakan perpaduan pada peringkat akar umbi selain ber-

fungsi sebagai perantara antara dua pihak bertelingkah untuk mencari penyelesaian.

Rizam menyempurnakan perasmian sesi libat urus Mediator Komuniti Bersama Agensi dan penyerahan watakah pelantikan di Pusat Konvensyen Midlands di sini pada 18 Ogos.

Hadir sama, Pengarah JPNIN Selangor Burhanuddin Daud dan Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

## Kategori semula lokaliti Sabak Bernam

# Bangunkan zon bandar baharu

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SABAK BERNAM** - Selangor mengenal pasti beberapa lokaliti sekitar Sabak Bernam yang perlu dizon dan dikategori semula bagi mewujudkan pembangunan bandar di kawasan berkenaan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan perubahan landskap itu perlu bagi memastikan ia dapat dimajukan sebagai kawasan industri dan pelancongan.

Katanya, Sabak Bernam juga perlu dilengkapi pelbagai kemudahan seperti yang diberi penekanan dalam draf rancangan (MDSB) Selangor 2035 (Penggantian).

"Ada beberapa lokaliti dizonkan sebagai kawasan industri, perumahan dan pelancongan. Bagi membangunkan zon industri, kita sudah sedia membelanjakan kos tanah kepada pemilik.

"Perubahan landskap ini perlu untuk

membangunkan Sabak Bernam. Pengisian dalam draf ini dikumpul selama setahun dan menjadi panduan kepada MDSB," katanya.

Ditemui selepas merasmikan pelan itu pada 20 Ogos, Amirudin memberitahu Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) antara contoh kemajuan yang berkembang mengikut fasa.

Dalam perkembangan lain, Amirudin menjelaskan pentadbiran negeri mengutamakan perkhidmatan kepada rakyat berbanding menaik taraf status MDSB kepada perbandaran.

"Kita bukan hendak 'title' (gelaran) sahaja tetapi ia perlu memenuhi kriteria dan keperluan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Sehubungan itu, Kerajaan Negeri perlu memikirkan 'boosting' (lonjakan) di kawasan ini dan salah satunya adalah SABDA yang ada potensi serta tarikan," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MDSB Azman Dahlan berkata draf rancangan

tempatan itu bukti daerah tersebut berdaya maju selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

"Menerusi kajian ini, penduduk akan bertambah melalui pewujudan peluang pekerjaan dan berpendapatan tinggi bagi menjadi bandar berdaya huni," katanya.

Draf itu mencakupi aspek kemakmuran ekonomi, digabungkan melalui penghayatan keagamaan, pengukuhan institusi kekeluargaan, pembudayaan ilmu dan ketelusan pentadbiran kerajaan.

Ia selaras peruntukan Subseksyen 16(1), Akta 172 - pihak berkuasa tempatan boleh membuat cadangan menggubal, membatalkan atau mengganti rancangan tempatan berpandu Manual RT edisi 2020.

Pelan itu menggaris lima teras melalui 17 strategi pembangunan dan 176 cadangan pembangunan dalam bentuk projek, program, kawalan dan pengurusan untuk memandu arah pembangunan Sabak Bernam.

## Turapan kurang risiko kemalangan

**SHAH ALAM** - Penurapan jalan rosak di persiaran Bandar Rinching, Semenyih pada tahun lalu mengurangkan kadar nahas di kawasan itu, kata Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) Zon 22.

Mohd Zulkifli Ridzwan memberitahu inisiatif melalui Projek Turapan Mega itu bukan sahaja memanfaatkan penduduk meliputi lebih 2,000 kediaman, malah pengguna dari luar Semenyih.

"Jalan itu antara laluan utama menghubungkan bandar Rinching dan bandar Ecohill, jadi memang sibuk. Sebelum diturap, banyak lubang yang sering menyebabkan nahas terutama waktu malam.

"Kadangkala lampu rosak dan jalan gelap. Jadi, motosikal paling berisiko

kerana tidak nampak lubang. Selepas diturap, jarang dengar berlaku kemalangan," katanya kepada Selangorkini.

Pekerja swasta, Aliah Shari, 35, yang kerap menggunakan laluan berkenaan untuk berulang-alik dari tempat kerja di Semenyih ke rumahnya di Serdang mengakui banyak nahas motor sebelum ini.

"Bila pulang waktu malam, kadangkala terlanggar lubang kerana jalan gelap. Banyak juga lihat kemalangan terutama motosikal. Selepas diturap, memang lancar perjalanan.

"Jadi, projek baik jalan seperti ini wa-

jar diteruskan kerana manfaatnya besar untuk pengguna jalan raya," katanya.

Pada tahun lalu, Kerajaan Selangor membelanjakan kira-kira RM50 juta untuk menjayakan Projek Turapan Mega sepanjang 94.9 kilometer meliputi penyelenggaraan dan pelebaran laluan secara menyeluruh di negeri ini.

Baru-baru ini, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata projek sama diteruskan tahun ini melibatkan dana RM20 juta meliputi semua laluan termasuk jalan negeri, pihak berkuasa tempatan dan kampung.







Sultan Sharafuddin menyampaikan watikah pelantikan kepada Tengku Amir Shah sebagai Pro Canselor UPM di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 20 Ogos. Foto Facebook Selangor Royal Office

## Raja Muda dilantik Pro Canselor UPM

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan melantik semula Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor sebagai Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj selaku Tuanku Canselor universiti berkenaan melantik Tengku Amir Shah untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 18 Oktober 2024 hingga 17 Oktober 2027.

"Turut dilantik semula sebagai Pro Canselor adalah Profesor Emeritus Dato' Dr Ir Muhamad Zohadie Bardaie.

"Dalam majlis sama Baginda berkenan melantik mantan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Tan Sri Peter Chin Fah Kui sebagai Pro Canselor UPM yang baharu," tulis Selangor Royal Office di Facebook.

Majlis berlangsung di Istana Bukit Kayaangan, di sini pada 20 Ogos. Turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Naib Canselor UPM Dato' Profesor Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah.

## Syarikat kosmetik juara SAY Aspire

# Peluang luas niaga ke luar negara

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SUBANG JAYA** - Program Komuniti Belia Selangor (SAY) Aspire membuka peluang kepada usahawan belia tempatan untuk meneroka seterusnya melebar sayap ke pasaran global.

Pengasas Dr Anne Skin Care (DASC) Dr Nurhidayah Roslan berazam memanfaatkan peluang berkenaan untuk meletakkan produk kosmetiknya setanding jenama terkemuka lain.

"Program ini membantu usahawan tempatan membawa produk ke seluruh dunia dan ia membuka peluang untuk kita buktikan produk Malaysia berkualiti dan bagus.

"Ia turut mengiktiraf bakat usahawan selepas diberi bimbingan dari pihak berpengalaman. Harap ia diteruskan lagi supaya lebih banyak produk usahawan tempatan dapat dikembangkan," katanya.

Syarikat kosmetik DASC International Sdn Bhd dinobatkan juara SAY Aspire edisi kelima sekali gus menerima tajaan penerbangan ke luar negara untuk promosi dan rundingan niaga.

Ketua pegawai eksekutif Citra Kesom yang memenangi tempat kedua pula memberitahu program berkenaan membantu syarikatnya untuk berkembang dan menembusi pasaran antarabangsa.

"Produk minuman kesihatan kami

mendapat permintaan di beberapa negara. Dengan kemenangan ini, produk kami boleh berkembang lagi.

"Usaha negeri ini bagus. Kami juga menyertai program bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor yang membimbing kami dari pelbagai aspek," kata Nadia Yahya.

Program SAY Aspire disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah di Hotel Sunway Resort & Spa pada 14 Ogos. Hadir sama, EXCO Keusahawanan Najwan Halimi.

Program sejak Januari disertai 30 usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana sebelum 10 syarikat layak ke akhir.

## Projek tebatan banjir ikut jadual

**SABAK BERNAM** - Kebanyakan pelaksanaan projek tebatan banjir berjalan lancar mengikut jadual bagi memastikan masalah banjir dapat diatasi secara tuntas, kata EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim memberitahu bahawa beberapa lokasi pembangunan itu berdepan masalah tertentu antaranya isu pengalihan utiliti dan kelulusan konsesi lebuhraya.

Menegaskan pelaksanaannya dibuat penuh teliti, beliau berkata pro-

jek tersebut mengambil tempoh masa agak lama untuk siap berikutan ia memerlukan kajian menyeluruh dan terperinci.

"Projek tebatan banyak, ada berjalan lancar, ada sebahagian terganggu kerana beberapa isu seperti di Taman Mutiara dan Bayu Perdana (Klang) yang kita jangka siap dalam dua bulan.

"Kita perlu buat reka bentuk, pengambil tanah atau mungkin sebahagiannya perlu melibatkan pengalihan

utiliti yang mungkin mengambil masa yang panjang," katanya pada 20 Ogos.

Beliau menjelaskan demikian ketika ditemui pemberita selepas membuat tinjauan kerja membaiki pulih Jalan Bagas Pasir, Tanjong Karang di sini.

Ir Izham juga menegaskan Kerajaan Negeri sentiasa bersiaga berdepan kemungkinan banjir termasuk jabatan berkaitan dilengkapi peralatan sesuai yang berada dalam keadaan baik.

## Bantuan mula kerja untuk asnaf

**AMPANG JAYA** - Seramai 150 asnaf berdaftar yang mendapat kerja menerima bantuan permulaan kerja sebanyak RM700, kata Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Eksekutif pembangunan insan dan ekonominya berkata menerusi Insentif Permulaan Pekerjaan Asnaf Selangor (IPPAS), asnaf dapat membeli keperluan seperti baju dan kasut.

"Kita tidak mahu mereka terbeban dalam menyediakan keperluan untuk memulakan kerja," kata Zeenat Karim pada 17 Ogos.

Bermula Januari, LZS menyediakan insentif berkenaan dan permohonan dibuka sehingga 30 Disember menerusi pautan [bit.ly/INSENTIFPERMULAANPEKERJAANASNAFSELANGOR-IPPAS-LZS](https://bit.ly/INSENTIFPERMULAANPEKERJAANASNAFSELANGOR-IPPAS-LZS)

## Awasi penularan wabak cacar monyet

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan meningkatkan pemantauan semua pintu masuk antarabangsa ekoran cacar monyet diisytihar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai kecemasan awam.

Penyakit tersebut diisytihar sebagai darurat kesihatan awam yang dibimbangi dunia buat pertama kali pada 23 Julai 2022 diikuti 11 Mei 2023 dan terbaharu 14 Ogos, lapor Bernama.

Menurut kenyataan pada 15 Ogos, pengembara dari negara yang ada rekod jangkitan perlu memantau status kesihatan sendiri setiap hari selama 21 hari dari tarikh tiba di Malaysia.

Sejak awal 2024, lebih 12 negara Afrika melapor jangkitan penyakit yang boleh menyebabkan ruam dan simptomnya seakan-akan selesema dengan Congo mencatat lebih 90 peratus kes.



## Infrasel terima 689 aduan jalan rosak

**SHAH ALAM** - Infrasel Sdn Bhd (Infrasel), syarikat yang menyelenggara jalan negeri di Selangor menerima 689 aduan kerosakan jalan raya sejak 2021 sehingga Julai tahun ini.

Menurut kenyataan Infrasel pada 16 Ogos, jumlah aduan meningkat setiap tahun iaitu 105 pada 2021, 194 (2022), 156 (2023) dan 234 setakat Julai tahun ini.

Klang mencatat aduan tertinggi iaitu 298 diikuti Petaling (174), Hulu Langat (74), Gombak (40), Kuala Selangor (38), Sepang (26), Kuala Langat (18), Hulu Selangor (11) dan Sabak Bernam (10).

Pada masa sama, Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor dan Infrasel menjayakan 19,474 tampalan laluan yang mengalami kerosakan.

"Tindakan tersebut mencerminkan komitmen berterusan dalam memastikan jalan raya berada dalam keadaan baik dan selamat," kata kenyataan lagi.

## Hulur bantuan mangsa kebakaran

**SHAH ALAM** - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) menyampaikan sumbangan keceemasan kepada 10 keluarga yang terlibat dalam kebakaran di Bukit Naga di sini.

Menerusi Facebook agensi itu, sumbangan wang tunai dan barangan keperluan asas diserahkan Pengurus Operasi Kebajikan Yide Muhammad Zubair Azizan.

"Didoakan agar semua urusan mangsa dipermudah pada masa akan datang. Masyarakat dinasihatkan agar membuat semakan dan meningkatkan tahap keselamatan di rumah bagi mengelakkan sebarang musibah berlaku pada masa akan datang," katanya pada 16 Ogos.

Sebanyak lapan buah rumah musnah dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian pada 15 Ogos.

## RM11,100 hadiah pertandingan kreatif

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menganjurkan pertandingan penulisan cerpen keinsafan dan video kreatif yang menawarkan hadiah keseluruhan RM11,100.

Menurut Jais, kesalahan jenayah syariah menjadi tema penulisan cerpen manakala dua kategori video kreatif bertema jenayah kekeluargaan dan jenayah syariah.

Setiap kategori menawarkan hadiah keseluruhan RM3,700 iaitu tempat pertama (RM1,000), kedua (RM700), ketiga (RM500) dan lima sagu hati RM300 setiap satu selain sijil penghargaan.

Tarikh tutup penyertaan pada 31 Ogos. Maklumat lanjut di pautan [get-qr.com/content/kPnDcT#google\\_vignette](https://get-qr.com/content/kPnDcT#google_vignette) dan [me-qr.com/mobile/pdf/df88f0c1-e575-403c-8181-d840476b7945](https://me-qr.com/mobile/pdf/df88f0c1-e575-403c-8181-d840476b7945)

## Barangan dapur murah, berkualiti

**KLANG** - Jualan Ehsan Rahmah (JER) anjuran Kerajaan Negeri membantu golongan berpendapatan rendah (B40) mendapatkan barangan keperluan asas pada harga murah dan berkualiti.

Pengunjung S Janiti, 52, berkata beliau membeli ayam, tepung, beras dan beberapa barangan asas lain dengan bayaran tidak melebihi RM100.

"Sangat murah berbanding di pasaran luar, saya juga kerap beli beras di sini sebab selain harganya murah ia juga berkualiti.

"Saya harap Kerajaan Negeri meneruskan jualan ini dan memperbanyak

lagi lokasi dalam satu-satu masa kerana ia membantu rakyat terutama B40," katanya di Pangsapuri Kos Rendah Bandar Botanik di sini pada 19 Ogos.

Hasim Zahari, 53, yang pertama kali teruja dengan harga ditawarkan dan berharap ia diteruskan pada masa akan datang.

"Saya tahu daripada rakan (berkaitan JER) dan ambil kesempatan sekejap untuk pergi kebetulan dianjurkan berhampiran rumah.

"Hari ini belanja sekitar RM50 lebih dapat ayam, beras, ikan, gula, biskut. Alhamdulillah, terima kasih Kerajaan Ne-

geri prihatin dengan rakyat," katanya.

Sementara itu Norziah Nin, 35, kata beliau kerap mengunjungi jualan murah dan mengikuti laman Facebook Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) hanya kerana ingin tahu lokasi jualan itu setiap hari.

"Kalau berhampiran dengan rumah memang saya pergi sebab barangnya bukan sahaja murah tetapi berkualiti," katanya.

Program kendalian PKPS itu menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal (RM10/pek) telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6/pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM13).



## Selesai pampasan RM998,000 sejak 2022

# Insurans percuma hingga RM21,000

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SHAH ALAM** - Penduduk Selangor berusia seawal 30 hari hingga 80 tahun dipelawa memohon Skim Insurans Am Selangor (INSAN) bagi menikmati pelbagai kemudahan berkaitan kesihatan.

Mereka menerima perlindungan RM11,000 untuk kematian, kematian di luar negara (RM21,000), hilang upaya kekal (RM10,000) dan elaun RM50 sehari jika dimasukkan ke wad sehingga 30 hari.

Menurut Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, polisi pelindungan patuh syariah secara per-

cuma itu berkuat kuasa antara 3 Ogos 2024 hingga 3 Ogos 2025.

"Inisiatif perlindungan takaful yang ditanggung sepenuhnya Kerajaan Negeri yang bertujuan memberi perlindungan am meliputi kecederaan, kemalangan mahupun kematian," kata kenyataan.

Syarat kelayakan mendaftar INSAN antara memiliki alamat kad pengenalan di Selangor, pengundi di negeri ini selain memiliki kad pengenalan dengan kod negeri iaitu 10, 41, 42, 43 dan 44.

Untuk maklumat terperinci, orang ramai boleh melayari pautan [www.programinsan.com](http://www.programinsan.com).

Selangor satu-satunya negeri yang menawarkan skim perlindungan insurans hasil peruntukan RM9 juta. INSAN antara lebih 40 inisiatif yang terkanadung program Iltizam Selangor Penyayang.

Januari lalu, Kerajaan Negeri menyelesaikan tuntutan pampasan berjumlah RM998,000 sejak diperkenalkan pada 2022 melibatkan 91 tuntutan pelbagai kes kemalangan dan kematian.

Polisi takaful bawah skim ini ditawarkan untuk tempoh selama 12 bulan mulai tarikh pendaftaran atau tamat pada 3 Ogos 2025 bagi individu yang mendaftar selepas 3 Ogos 2024.

## Peluang belia teroka bidang kerja

**AMPANG JAYA** - Lulusan Universiti Pengurusan & Sains (MSU) memuji inisiatif menghimpunkan puluhan syarikat yang menawarkan pelbagai pekerjaan dalam Karnival Kerjaya JobCare.

Nik Ain Fazlin Nik Abdul Rahim yang mengikuti beberapa temuduga di Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah di sini berharap ada syarikat mengambilnya bekerja.

"Memang banyak jawatan ditawarkan termasuk pengurusan atasan. Peluang ini sangat bagus terutama untuk lepasan yang baharu tamat belajar, dapat elakkan kami menganggur.

"Saya harap usaha saya ini mendatangkan hasil. Sesi temuduga juga berjalan lancar dan harap ada rezeki saya," katanya yang hadir dalam program berkenaan dengan ditemani ibunya.

Nik Ain antara ribuan peserta yang mencuba nasib untuk memperoleh pekerjaan yang ditawarkan lebih 30 syarikat pada 17 Ogos.

Eksekutif pembangunan insan dan ekonomi Lembaga Zakat Selangor (LZS) Zeenat Karim pula berharap asnaf yang tiada pekerjaan hadir karnival itu ekoran 500 peluang kerja disediakan kepada mereka.

"LZS menjadi platform untuk syarikat yang bekerjasama dengan kami

mendapatkan pekerja. Jadi, kami buka kaunter mewakili syarikat untuk tawarkan pekerjaan kepada asnaf," katanya.

Menurut EXCO Sumber Manusia V Papparaidu, hampir 5,000 peluang kerja termasuk gaji melebihi RM5,000 ditawarkan dalam pelbagai bidang meliputi pembuatan, perkhidmatan dan perkilangan.

Program sejak 2022 diteruskan di Dewan Beringin Taman Seri Gombak (21 September), Dewan Hamzah Klang (5 Oktober), Dewan Dato' Penggawa Permatang, Kuala Selangor (19 Oktober).

Selain itu, Dewan Komuniti Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang (16 November) dan Dewan Tun Razak, Sabak Bernam (14 Disember).







Piala Sultan Selangor atau The Sultan Selangor's Cup (TSSC) diperkenalkan 23 tahun lalu iaitu pada 2001. Tujuannya mempererat persaudaraan dua pasukan seteru utama Liga Malaysia suatu ketika dahulu iaitu Selangor FA dan juga Singapura FA.

Idea penganjuran dicetuskan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada tahun sama Baginda ditabalkan Sultan Selangor.

Mengimbau semula, perseteruan antara Selangor dan Singapura dalam arena bola sepak Malaysia amat menakjubkan kerana kedua pasukan ini yang paling berjaya dalam sejarah Liga Malaysia pada zaman tersebut.

Tidak seperti kejohanan lain, Piala Sultan Selangor eksklusif untuk satu perlawanan utama antara Pilihan Selangor menentang Pilihan Singapura. Di samping itu, turut diadakan perlawanan persahabatan bersifat pertunjukan antara pasukan Veteran Selangor menentang Veteran Singapura.

Kenapa perlu ada Piala Sultan Selangor?

Bagi yang mengikuti rapat kancan bola sepak negara, sejak Piala Malaysia diperkenalkan pada 1921 (ketika itu dikenali Piala Malaya, kemudian Piala HMS Malaya), Selangor dan Singapura antara pasukan terhebat dan kerap kali bertembung di perlawanan akhir bagi merebut piala berkenaan. Malah perlawanan akhir pertama Piala Malaya pada 1921 menyaksikan Singapura menewaskan Selangor.

Sejak itu, Selangor dan Singapura bertemu 22 kali lagi pada perlawanan akhir Piala Malaysia yang ternyata membangkitkan semangat perseteruan kesukanan dalam arena bola sepak yang turut dirasai penyokong kedua-dua pasukan sejak berdekad lamanya.

Dalam tempoh itu, Selangor menjulang 33 kejuaraan Piala Malaysia, kali terakhir pada 2015. Manakala Singapura dengan 22 kejuaraan.

Pertembungan antara Selangor dan Singapura sentiasa dinantikan sehingga digelar Malayan El Clásico, di mana kedua-dua pasukan musuh tradisi ini sentiasa menampilkan persaingan sihat dan saling hormat-menghormati.

Sehinggalah pada 1994 apabila Singapura menarik diri daripada Liga Malaysia.

Justeru, DYMM Sultan Selangor mencadangkan penganjuran Piala Sultan Selangor bermula pada 2001 bagi meraikan dan mengimbau kembali hebatnya perseteruan tradisi antara Selangor dan

# Imbau nostalgia 'El Clasico Malaya'



Singapura yang pernah mewarnai arena bola sepak tempatan.

## Medan keramat

Diadakan setiap tahun sama ada di Stadium Shah Alam atau Stadium Nasional Singapura, kali terakhir kejohanan ini berlangsung pada 2019 sebelum ditangguhkan akibat pandemik Covid-19.

Sepanjang diadakan lebih dua dekad, Pasukan Pilihan Selangor bergelar juara Piala Sultan Selangor sebanyak sembilan kali iaitu pada 2001, 2003, 2005, 2008, 2012, 2013, 2014, 2018 dan 2019. Pasukan Pilihan Singapura pula menjuarai sebanyak tujuh kali iaitu pada 2006, 2007, 2009, 2010, 2011, 2016 dan 2017.

Pada 2004 kedua-dua pasukan bergelar juara bersama, manakala pada 2015 terpaksa dibatalkan kerana jerebu.

Kembali dengan edisi 2024, Piala Sultan Selangor kali ini dianggap berbeza kerana ia diadakan semula di medan keramat kedua-dua pasukan iaitu di Stadium Merdeka.

Pada edisi terbaharu pada 17 Ogos 2024, Pilihan Selangor merangkul kejuaraan tiga kali berturut-turut dengan menewaskan Pilihan Singapura 2 gol berbalas 1.

Ternyata, saingan Piala Sultan Selangor 2024 dianggap menggamit banyak nostalgia dan kenangan, terutama bagi legenda dan penyokong kedua-dua pasukan.

Legenda bola sepak Selangor seperti Datuk Zainal Abidin Hassan dan legenda bola sepak Singapura, Fandi Ahmad sendiri mengakui mereka amat teruja dengan penganjuran Piala Sultan Selangor yang disifatkan sebagai satu platform mengimbas kembali nostalgia permusuhan tradisi antara kedua-dua pasukan.

Kepada yang cakna dan faham sejarah, mereka akan mengerti rasional di sebalik penganjuran dan turut sama meraikan Piala Sultan Selangor sebagai sebuah acara berprestij yang menyemarakkan semangat persahabatan dalam sukan.

Selain mengembalikan nostalgia, penganjuran Piala Sultan Selangor

adalah antara acara yang dinantikan oleh peminat bola sepak tempatan yang merindui zaman kegemilangan bola sepak Malaysia.

Diharapkan penjelasan ini dapat memberi fakta yang tepat dan manfaat pengetahuan yang lebih jelas kepada masyarakat, khususnya generasi baharu yang mungkin masih belum faham atau dimomokkan dengan informasi mengelirukan tentang sejarah sebenar kewujudan Piala Sultan Selangor.

Apa yang ingin ditekankan juga, simbolik persahabatan dan muhibah kesukanan yang diraikan menerusi semangat Piala Sultan Selangor ini dapat dimanifestasi sebagai teladan dalam membanteras gejala keganasan sukan yang masih berleluasa khususnya dalam arena bola sepak tempatan.

Hentikan keganasan dalam sukan bola sepak.

*Teks diterbit semula daripada coretan Facebook Selangor Royal Office pada 20 Ogos 2024*



# Gigih buru emas

Oleh NADIAH ZAMLUS

**A**tlet gigih memburu emas dalam usaha membaiki kedudukan Selangor pada tangga keempat setakat jam 6 petang pada 21 Ogos sebelum Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 melabuhkan tirai.

Emas sulung diperoleh pada hari ketiga sumbangan jaguh wushu Mandy Cebelle Chen ④ bagi acara taijijian. Atlet berusia 21 tahun itu menempa satu lagi pingat sama bagi kategori taijiqian.

Awalnya, kutipan emas perlahan. Hari kelapan (19 Ogos) temasya, Selangor berada pada kedudukan kesembilan dengan hanya lima emas dalam genggaman.

Sehari kemudian, prestasi kontinjen negeri mula rancak. Enam emas dibolot sekali gus melonjak kepada kedudukan keempat.

Menariknya, sebanyak 14 acara sukan bukan sasaran berjaya menggondol emas antaranya badminton campuran, karate kumite berpasukan, silambam, tenpin bowling, olahraga 5,000 meter (m) dan petanque beregu lelaki.

Selain Mandy dengan dua emas acara wushu, dua atlet paling mencuri tumpuan ialah Nur Afrina Batrisyia Mohamad Rizal ② dan Andrew Goh ①.

Nur Afrina Batrisyia, 20, mencipta kejutan apabila dinobatkan sebagai Ratu Pecut SUKMA 2024 dengan menguasai acara 100m dan 200m.

Atlet berkenaan juga memecah dua rekod kebangsaan iaitu 11.64 saat (s) untuk 100m dan 23.89s acara 200m di samping membawa pulang gangsa acara 4x400m.

Larian emas 100m Nur Afrina juga melayakkan beliau ke Sukan SEA Bangkok 2025 secara merit setelah mengatasi masa pelari Vietnam Tran Th Nhi Yen iaitu 11.75s di Kemoja.

Rekod kebangsaan acara renang 100m kuak dada lelaki pula dipecahkan Andrew dengan catatan 01:01:39s. Beliau menyifatkan kejayaan

itu mustahil tanpa bimbingan Eric Anderson juga jurulatih negara.

Turut mencuri tumpuan, aksi meyakinkan G Srikanth ③ yang menang dua emas karate kategori wanita 55 kilogram (kg).

Sementara, atlet olahraga Esther Joy Hong Li Cheng ⑤ merangkul dua pingat emas bagi acara 3,000m dan 5,000m.

Atlet akuatik Henry Goh meraih dua perak dan satu gangsa, Lee Li Momoka (gimnastik) dengan tiga gangsa.

## Kekal positif

Justeru, EXCO Sukan Najwan Halimi yakin Selangor berupaya mencapai sasaran dengan meraih kedudukan tiga teratas. Masih ada acara yang berpotensi menang emas sebelum temasya dwitahunan itu berakhir.

"Ukuran sebenar tidak boleh dilihat setakat hari ini (18 Ogos). Insya-Allah yang disasar dapat pingat emas sebagai tambahan kepada emas terkumpul setakat ini.

"Mudah-mudahan atlet tingkatkan usaha untuk menambah baik prestasi sepanjang seminggu ini. Kita berfikir positif dan yakin capai sasaran 61 emas," katanya pada 18 Ogos.

Dalam temasya bermula 12 Ogos di Sarawak, Selangor memberi tumpuan terhadap 61 acara untuk meraih emas. Setakat 21 Ogos, sebanyak 34



daripadanya telahpun berlangsung dan 10 acara menepati ramalan emas.

Namun, tiga acara yang dijangka meraih emas tersasar ke pingat perak iaitu wushu 52kg oleh Felicity Wong Xie Nee, Izzul Haniff (olahraga) dan Ayzek Hakimi Safingan yang gagal mempertahankan kejuaraan dalam acara petanque shooting lelaki.

Beliau terpaksa berpuas hati di tempat kedua selepas tewas kepada atlet Melaka.

Tiga lagi emas tersasar gangsa melibatkan Jeevesh Bhaskaran dalam acara kumite 55kg pada hari ketujuh temasya.

Turut terkandas, atlet lawan pedang Heng Yu Shern dan kriket berpasukan lelaki.

Kontinjen Selangor merangkul 40 pingat perak, terbanyak diikuti Wilayah Persekutuan yang berada kedudukan kedua keseluruhan selepas Sarawak setakat 21 Ogos.

Tinggal 21 lagi acara yang disasar emas membabitkan tenis, bola tampar, catur, hoki, ragbi, tinju dan pelayaran.

Namun, peluang untuk merangkul emas tetap ada bagi acara bukan tumpuan. Secara keseluruhan, lebih 20 emas jadi rebutan sebelum temasya berakhir 24 Ogos.





## KUTIPAN PINGAT SELANGOR SUKMA SARAWAK 2024 (sehingga 6 petang, 21 Ogos)

### EMAS

1. <b>Mandy Cebelle Chen</b> WUSHU Taijijian Wanita	6. <b>Aliif Haikal Hakimi Ariffuddin Nurul Ain Ibrahim</b> BOLING PADANG Beregu Campuran	12. <b>Andrew Goh Zheng Yen</b> RENANG 100m Kuak Dada Lelaki	17. <b>Mohammad Aiman Fitri Mohd Fauzi Muhammad Idham Shahruzahri</b> PETANQUE Beregu Lelaki
2. <b>Mandy Cebelle Chen</b> WUSHU Taijiquan Wanita	7. <b>Intan Nor Edryana Nor Azliman Adania Mohd Redzwan Adelia Nur Irwan Syazalee Nur Nais Falilnesa Isman Nur Irdina Batrisyia Mat Aris Afiqah Kamilia Ali</b> TENPIN BOLING Lima Berpasukan Wanita	13. <b>Sarveshaa A/L Murali</b> SILAMBAM Thanithiramai Lelaki	18. <b>Khew Zi Xian</b> RENANG 100m Gaya Bebas Wanita
3. <b>Damia Aleesya Mohd Irmantaha Nur Dina Najwa Tarmizy Abdullah Nur Najwa Batrisyia Mustakim Nurul Ain Ibrahim Puteri Aira Azman Shah</b> BOLING PADANG Berempat Wanita	8. <b>Yashilini A/P K Selvikumar Srikanth A/P Ganesh Haretashni A/P Nedunchezhian Narmadha Devi A/P Balamurugan</b> KARATE Kumite Berpasukan Wanita	14. <b>Letshanaa A/P Karupathevan Kim Sheng Chua Wong Vin Sean Ho Lo Ee Loh Zhi Wei Siti Nurshuhaini Azman Lok Hong Quan Muhammad Faiq Haziq Masawi</b> BADMINTON Berpasukan Campuran	19. <b>Teoh Kar Chuan Andrew Goh Zheng Yen Lim Shun Qi Khew Zi Xian</b> RENANG 4 X 100m Rampaian Berganti Campuran
4. <b>Srikanth A/P Ganesh</b> KARATE Kumite Individu 55kg Wanita	9. <b>Nur Afrina Batrisyia Mohamad Rizal</b> OLAHRAGA 100m Wanita	15. <b>Yee Teng Lie</b> OLAHRAGA 100m Lari Berpagar Wanita	20. <b>Noor Hirzie Fariez Mustafa</b> ANGKAT BERAT Tidak melebihi 73kg Lelaki
5. <b>Austin Gan Zi Ming Muhammad Ajmal Amin Mohd Fahri Poon Jia Hao Ezekiel Riz Hafiz Suzearitz</b> GOLF Berpasukan Lelaki	11. <b>Esther Joy Hong Li Chen</b> OLAHRAGA 5,000m Wanita	16. <b>Nur Afrina Batrisyia Mohamad Rizal</b> OLAHRAGA 200m Wanita	21. <b>Esther Joy Hong Li Chen</b> OLAHRAGA 3,000m Lari Berhalangan Wanita
			22. <b>Andrew Goh Zheng Yen</b> RENANG 50m Gaya Kuak Dada Lelaki

### PERAK

1. <b>Adania Mohd Redzwan</b> TENPIN BOLING Perseorangan Wanita	9. <b>Nur Ieka Hariesya Zainal Habsahli</b> MEMANAH Recurve 70m Wanita	<b>Cher Nise You Jia Wei Ker Lee Li Momoka Sam Reese Xin Yan Hoo Zi Qin Hoo</b> GIMNASTIK Berirama Latihan Kumpulan Wanita	27. <b>Alief Zuhaily Azman Ammar Wajdi Mohamad Rashdi Muhammad Haikal Alif Zamerrri</b> PENCAK SILAT Regu Lelaki
2. <b>Nur Najla Damia Mustakim</b> BOLING PADANG Perseorangan Wanita	10. <b>Nurul Aesyah Aqilah Mohd Sukeri</b> TAEKWONDO Melebihi 73kg Wanita	18. <b>Jovina Varrsha A/P Saravanabavan</b> TAEKWONDO Tidak melebihi 49kg Wanita	28. <b>M. Adam Mukhriz Mohd Hafidz</b> ANGKAT BERAT Tidak Melebihi 67kg Lelaki
3. <b>Batrisyia Izzati Mohd Nasir</b> WUSHU 48kg (>45kg - ≤48kg) Wanita	11. <b>Nur Irdina Batrisyia Mat Aris Afiqah Kamilia Ali Nur Nais Falilnesa Isman</b> TENPIN BOLING Bertiga Wanita	19. <b>Aryssa Ashura Adnan Ashraff</b> TAEKWONDO Tidak melebihi 46kg Wanita	29. <b>Muhammad Nor Ikhwan Ghazali</b> MUAYTHAI 48-51kg Lelaki
4. <b>Felicity Wong Xin Nee Wong</b> WUSHU 52kg (>48kg - ≤52kg) Wanita	12. <b>Muhammad Ajmal Amin Mohd Fahri</b> GOLF Individu Lelaki	20. <b>Danish Irfan Tamrin</b> OLAHRAGA 100m Lelaki	30. <b>Jayden Goh Li Jie</b> AKUATIK RENANG 100m Gaya Bebas Lelaki
5. <b>Intan Nor Edryana Nor Azliman Adania Mohd Redzwan</b> TENPIN BOLING Beregu Wanita	13. <b>Foong Zi Yu Nur Batrisya Balqis Abdul Ghani Aarthi Ganesan Kaathiyayani A/P Gunasegar</b> GOLF Berpasukan Wanita	21. <b>Khew Zi Xian</b> RENANG 200m Gaya Bebas Wanita	31. <b>LIM SHUN QI</b> RENANG 50m Gaya Kuak Kupu-Kupu Wanita
6. <b>Abdin Syabil Roslan M. Kamarul Ezzad M. Kamarul Imran M. Salman Anuar M. Syafi Haziq Baharudin Jefri Ahmad M. Andrian Haziq Nor Azwan M. Iman Hakimi Hairul Nizam M. Shahrain Zameer Shamsuddin</b> SEPAK TAKRAW Berpasukan Lelaki	14. <b>Jing Yi Tan</b> OLAHRAGA Rejam Lembing Lelaki	22. <b>Jayden Goh Li Jie</b> RENANG 200m Gaya Bebas Lelaki	32. <b>Muhammad Arif Najdat Hassan</b> OLAHRAGA Dekatlon Lelaki
7. <b>Ebony Hui Ru Chai Emily En Rui Low Eryn Chang Lee Li Momoka Sam</b> GIMNASTIK Berirama Berpasukan Wanita	15. <b>Sharvaankumar A/L Sivappagasam Jayasathesh A/L Balamurugan Jeevesh A/L Bhaskaran Rugendran A/L Jaya Chandran Vagish A/L Balasubramaniam Yubenthiran A/L Saravanan</b> KARATE Kumite Berpasukan Lelaki	23. <b>Teoh Kar Chuan</b> RENANG 50m Gaya Kuak Lentang Lelaki	33. <b>Henry Goh Li Hen</b> RENANG 200m Rampaian Perseorangan Lelaki
8. <b>Ayzeek Hakimi Safingan</b> PETANQUE Menembak Lelaki	16. <b>Muhammad Izzul Haniff Mohd Raffi</b> OLAHRAGA Lompat Kijang Lelaki	24. <b>Yoong Jia Jia</b> RENANG 400m Rampaian Perseorangan Wanita	34. <b>Laksman Mohan Mohan</b> LAWAN PEDANG Epee Individu Lelaki
	17. <b>Britnee Zhi Tong Cheow</b>	25. <b>Henry Goh Li Hen</b> RENANG 400m Rampaian Perseorangan Lelaki	35. <b>Mathan Raj A/L Gunasagaran</b> OLAHRAGA 3,000m Lari Berhalangan Lelaki
		26. <b>Ikmal Fahmi Ashar Ikmal Fahri Ashar</b> PENCAK SILAT Ganda Lelaki	36. <b>Henry Goh Li Hen</b> RENANG 1,500m Gaya Bebas Lelaki
			37. <b>Shannon Tan Yan Qing</b> RENANG 800m Gaya Bebas Wanita

### GANGSA

1. <b>Muhammad Afiq Azrief Khalil Aniq Ammar Al-Syahmi M. Hatta Muhamad Amzar Afif Ezazu</b> MENEMBAK Pistol Standard 25m Lelaki	<b>Mak Zooley Devesh Sarawanan</b> TENIS Berpasukan Campuran	14. <b>Wan Mazlin Ayuni Wan Khairul Ridzuan</b> PENCAK SILAT Individu Wanita	24. <b>Muhammad Arif Irfan Zainudin Nur Alya Farzana Rushazli Effendy</b> PETANQUE Beregu campuran
2. <b>Nur Balqis Hamizi Nur Amirah Nabilah Khairus Safawi Nur Sakinah Nurain Abdul Rahman</b> MENEMBAK Rifle 50m 3 Posisi Wanita	9. <b>Teban Raj A/L Chander</b> OLAHRAGA 20,000m Lumba Jalan Kaki Lelaki	15. <b>Lokanathan A/L Anatore</b> TAEKWONDO Men's Tidak Melebihi 58kg	25. <b>Aslan Adnan</b> RENANG 200m Gaya Kuak Lentang Lelaki
3. <b>Jeevesh A/L Bhaskaran</b> KARATE Kumite Individu 55kg Lelaki	10. <b>Devin Harendra A/L Sehar Jinendra A/L Muraly Kishan Kumar A/L Ananthan Lokman Nur Hakim Sahar Mohamad Aras Azmi Mohamed Aslam Mohamad Asyraf Azmi Mohamed Aslam Muhammad Akram Abd Malek Muhammad Ashraf Azmi Muhammad Asyraf Rifa'ie Mohd Afindi Muhammad Rifqi Iman Khamis Muhammad Syahmi Zufayri Mohd Afindi Qhais Arsyad Ahmad Razani Vijay Unni A/L Suresh Wan Muhammad Azam Wan Ahmad</b> KRIKET Format T20 Lelaki	16. <b>Yu Shern Heng</b> LAWAN PEDANG Foil Individu Lelaki	26. <b>Loke Yew Jien</b> RENANG 100m Gaya Bebas Lelaki
4. <b>Nur Balqis Hamizi</b> MENEMBAK Rifle 50m 3 Posisi Wanita		17. <b>Henry Goh Li Hen</b> RENANG 200m Gaya Bebas Lelaki	27. <b>Aina Batrisyia Abdullah Nicole Jia Xin Lai Raja Nur Ain Raja Muhammad Badiuzzaman Nur Afrina Batrisyia Mohamad Rizal Shuen Min Tay</b> OLAHRAGA 4 x 400m Lari Berganti-Ganti Wanita
5. <b>Muhamad Ridzuan Makueta</b> MUAYTHAI 45-48kg Lelaki		18. <b>Khoo Sue Enn</b> RENANG 100m Gaya Kuak Dada Wanita	28. <b>Ahmad Razin Azahar Nur Ieka Hariesya Zainal Habsahli</b> MEMANAH Recurve Campuran
6. <b>Sharil Aiman Abu Hanipah</b> MUAYTHAI 54-57kg Lelaki		19. <b>Kahlisswaran A/L Saravanan</b> SILAMBAM Kuthu Varisai Lelaki	29. <b>Muhammad Ashraf Md Khairulddin</b> JUDO Tidak melebihi 73kg Lelaki
7. <b>Saafuan Shah Roslan</b> MUAYTHAI 57-60kg Lelaki	11. <b>Lee Li Momoka Sam</b> GIMNASTIK BERIRAMA Gelung Wanita	20. <b>Harini A/P Mathevan</b> SILAMBAM Kuthu Varisai Wanita	30. <b>Low Ee Mang</b> RENANG 50m Gaya Kuak Dada Wanita
8. <b>Sharifah Elsa Wan Abdul Rahman Christian Andre Liew Sheng Hayden Khoo Menon Chloe Zhi Jing Chong Jo Leen Saw Jon Caleb Valentino</b>	12. <b>Lee Li Momoka Sam</b> GIMNASTIK BERIRAMA Bola Wanita	21. <b>Sasha Alyssa Philip</b> OLAHRAGA Lempar Cakera Wanita	
	13. <b>Lee Li Momoka Sam</b> GIMNASTIK BERIRAMA Riben Wanita	22. <b>Taarini A/P Chandramohan</b> OLAHRAGA 1,500m Wanita	
		23. <b>Adelia Nur Irwan Syazalee</b> TENPIN BOLING Women's Master (Top 24)	






EXCO Sukan Najwan Halimi mengalungkan pingat emas kepada pasukan golf lelaki diwakili (dari kiri) Poon Jia Hao, Ezekiel Riz Hafi, Austin Gan dan Mohamad Ajmal Amin Fajri di Kuching pada 18 Ogos



Nur Afrina Batrisyia mencipta kejutan apabila menang olahraga 100 meter (m) wanita di Petra Jaya pada 19 Ogos. Beliau juga mencatat rekod baharu 11.64 saat (s)



Esther menaiki podium memperagakan emas dimenangi menerusi acara olahraga 5,000m wanita di Stadium Sarawak, Petra Jaya pada 19 Ogos



Andrew (lorong tengah) mendahului lawan dalam acara 100m kualifikasi sebelum memenangi emas di Pusat Akuatik Pandeleta Rinong, Kuching pada 19 Ogos



Mandy menceriaikan kem Selangor apabila menggondol dua emas melalui acara wushu tajijian serta tajiuan pada 14 dan 15 Ogos di Dewan Wushu, Petra Jaya



Keceriaan ahli pasukan boling padang wanita Selangor selepas mengalahkan Pahang 15-13 dalam perlawanan akhir di Kuching pada 16 Ogos



Kegembiraan pemain Selangor meraih emas selepas menewaskan Wilayah Persekutuan 3-1 dalam akhir berpasukan campuran badminton di Dewan Tertutup, Sibul pada 20 Ogos



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mencemar duli beramah mesra bersama atlet di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Kota Samarahan pada 21 Ogos

KONTINJEN Selangor cemerlang bersaing dengan negeri lain dalam pelbagai acara dipertandingkan pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Kuching, Sarawak.

Setakat jam 9 malam, 21 Ogos, pasukan negeri di kedudukan keempat dengan 26 pingat emas, 41 perak dan 31 gangsa di belakang tuan rumah Sarawak, Wilayah Persekutuan dan Terengganu.

Sebahagian atlet negeri menyumbang emas ialah Mandy Cebelle Chen (wushu), G Srikah (karate), Nur Afrina Batrisyia Mohamad Rizal dan Esther Joy Hong Li Chen (olahraga), Andrew Goh dan Khew Zi Xia (renang), pasukan golf lelaki serta boling padang wanita.

Andrew dan Nur Afrina Batrisyia masing-masing memecah rekod kebangsaan pada temasya berkenaan. Kontinjen membariskan 1,182 peserta dalam temasya dwitahunan antara 17 hingga 24 Ogos bagi mencungkil bakat baharu dalam kalangan atlet muda negara.

Sebanyak 61 pingat emas dan kedudukan tiga teratas menjadi sasaran pada kejohanan kali ini. Untuk rekod, Selangor pernah menjuarai sukan berkenaan di Sarawak pada 2016.

Koleksi foto Majlis Sukan Negeri Selangor dan lensa HAFIZ OTHMAN merakam detik gemilang atlet negeri dalam SUKMA 2024. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB



Mudah menundukkan peserta Sabah Adela Fay Robert, atlet karate Srikah (kanan) menang emas acara kumite individu wanita 55 kilogram (kg) di Institut Kemahiran Belia Negara, Miri pada 17 Ogos



Khar Chuan Teoh (kanan, belakang), Andrew (kiri, belakang), Shun Qi Lim (dua, kanan, hadapan), Khew Zi Xian (kiri, hadapan) meraih emas renang 4x100m rampaian di Petra Jaya pada 20 Ogos



Atlet renang Zi Xian cemerlang mengatasi cabaran tujuh lagi peserta bagi memastikan kejuaraan acara 100m gaya bebas wanita di Kuching pada 20 Ogos



Maskot rasmi Selangor, Helang Putih bersama kontinjen negeri ketika perbarisan acara pembukaan SUKMA ke-19 di Kuching pada 17 Ogos. Haiwan itu melambangkan kegagahan dan keberanian



Aksi atlet pecut Lie Yee Teng (kiri) dalam acara 100m berpagar wanita di Stadium Sarawak, Kuching pada 20 Ogos. Yee Teng memenangi emas dengan cacatan masa 14.28s



Sekumpulan penyokong di Dewan Wushu, Petra Jaya pada 15 Ogos mengibarkan bendera negeri dan bersorak memberi kata semangat kepada atlet wushu Selangor



Penyokong memenuhi ruang Stadium Hoki Petra Jaya, Kuching pada 18 Ogos untuk menaikkan semangat pemain hoki Selangor ketika menentang Johor. Selangor menang 4-1

Foto BERNAMA

Foto BAM

Foto BERNAMA



# Di balik nahas Elmina

**S**iasatan Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) terhadap nahas pesawat Hawker Beechcraft 390 Premier I di Persiaran Elmina, Shah Alam mendedahkan beberapa pelanggaran peraturan penerbangan.

Diterbit pada 16 Ogos, genap setahun nahas tersebut, laporan 148 halaman itu mendedahkan butiran bagaimana dua juruterbang, enam penumpang dan dua orang awam terkorban.

Laporan itu juga menyatakan syarikat pengendali pesawat malang itu Jet Valet Sdn Bhd tidak mempunyai kebenaran beroperasi daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

Biro siasatan juga merumuskan nahas berlaku kerana kesilapan manusia semasa proses rutin ketika hendak mendarat. Namun ia bukan untuk meletakkan kesalahan atau liabiliti kepada mana-mana pihak, sebaliknya untuk meningkatkan keselamatan pada masa depan.

Wartawan NAZLI IBRAHIM dan ABDUL RAHIM SABRI menyorot fakta-fakta penting nahas pesawat bisnes itu yang diringkaskan daripada laporan tersebut dan reaksi seperti laporan media.

## Apa yang berlaku?

Pesawat jenis Hawker Beechcraft 390 Premier 1 dengan pendaftaran N28JV terhempas secara menjunam di Bandar Elmina, Shah Alam pada 17 Ogos 2023. Pesawat yang berlepas dari Langkawi pada 2.08 petang dalam penerbangan ke Subang.

Kejadian berlaku semasa pesawat sedang menghampiri Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah selepas diberi kebenaran untuk mendarat kira-kira pukul 2.48 petang.

Juruterbang, penumpang dan orang awam yang terkorban seperti dalam rajah di sebelah.

## Apa punca nahas?

Biro siasatan merumuskan pesawat hilang kawalan apabila komponen yang membantu sistem pendaratannya, yang disebut “lift dump spoiler”, telah diaktifkan secara tidak sengaja, kemungkinan besar oleh pembantu juruterbang.

Ini menyebabkan pesawat kehilangan daya angkat secara mendadak, sekali gus tidak dapat dikawal di udara atau kehilangan kawalan dalam penerbangan.

## Apa fungsi lift dump spoiler?

Secara ringkasnya, lift dump spoiler adalah panel pada sayap pesawat yang akan naik menegak semasa pendaratan. Ia berfungsi sebagai perintang udara yang akan mengurangkan daya angkat pesawat dan seterusnya memastikan pesawat dapat mendarat dengan mantap di landasan.

## Bagaimana biro siasatan merumuskan wujud kesilapan manusia?

Biro siasatan membuat rumusan berdasarkan rakaman suara kokpit sepanjang penerbangan. Pesawat tidak mempunyai perakam data penerbangan tetapi dilengkapi perakam suara kokpit yang boleh merakamkan data suara selama 30 minit.

## 10 Terkorban

Dalam pesawat

 <p><b>Shahrul Kamal Roslan, 41,</b> juruterbang</p>	 <p><b>Heikal Aras Abdul Azim, 44,</b> pembantu juruterbang</p>
 <p><b>EXCO Pahang Datuk Seri Johari Harun, 53,</b> penumpang</p>	 <p><b>Shaharul Amir Omar, 49,</b> penumpang</p>
 <p><b>Mohammad Naim Fawwas Mohamed Muaidi, 35,</b> penumpang</p>	 <p><b>Muhammad Taufik Mohd Zaki, 37,</b> penumpang</p>
 <p><b>Idris Abdul Talib @ Ramali, 41,</b> penumpang</p>	 <p><b>Khairil Azwan Jamaludin, 43,</b> penumpang</p>

Orang awam

 <p><b>Sharipudin Shaari, 51,</b> pemandu e-panggilan</p>	 <p><b>Muhammad Hafiz Muhammad Salleh, 32,</b> penunggang p-panggilan</p>
--	--

Sumber: BERNAMA



## Apa lagi rumusan siasatan?

Juruterbang dan pembantu tidak mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) apabila mereka tidak duduk di kerusi sepatutnya menyebabkan kegagalan komunikasi pada saat genting. Juruterbang utama sepatutnya di kiri, pembantu di kanan mengikut manual pesawat.

## Apa yang dimaksudkan oleh biro siasatan sebagai “kru tidak cukup latihan”?

Biro siasatan merumuskan pembantu juruterbang tidak terlatih untuk mengendalikan pesawat jenis Hawker Beechcraft Premier I termasuk tidak mahir dengan operasi sistem pendaratan pesawat.



Jet Valet berkata sebelum insiden, pembantu juruterbang dua kali mengendalikan pesawat, dari Subang ke Kuantan dan Kuantan ke Langkawi. Bagaimanapun, biro siasatan menegaskan penemuannya mendapati pembantu juruterbang tiada latihan menerbangkan pesawat itu.

**Siapa pemilik pesawat?**

Pesawat dimiliki dan dikendalikan oleh Koperasi Amanah Pelaburan Berhad melalui anak syarikatnya Jet Valet Sdn Bhd. Syarikat itu ditubuhkan pada 2021 untuk memberi manfaat tambahan keahlian koperasi kepada kira-kira 12,000 ahlinya.

Salah seorang penumpang yang terkorban adalah ahli koperasi. KAPB dan Jet Valet bagaimanapun tidak mendedahkan butiran tempahan dan pembayaran penggunaan pesawat serta rekod penumpang pada hari kejadian.

Jet Valet juga mengendalikan dua lagi pesawat iaitu jenis Hawker Beechcraft 400 (Nombor daftar: N35JV) dan Gulfstream IV (Nombor daftar: N729TY), yang semuanya berpangkalan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

**Apa maklumat lain mengenai pesawat terhempas?**

Pesawat berdaftar untuk operasi penerbangan am di Amerika Syarikat. Ia mendapat sijil penerbangan daripada Pentadbiran Udara Persekutuan (FAA) negara itu pada 10 Mei 2023. Pesawat tiba di Malaysia dari Jerman pada 16 Mei 2023.

Siasatan mendapati pesawat yang terhempas tidak mendapat kebenaran operasi daripada CAAM untuk perkhidmatan tidak berjadual dan membawa penumpang berbayar menggunakan pesawat yang didaftar di luar negara, mengikut polisi penerbangan yang terpakai.

Siasatan juga mendapati pemilik pesawat tidak memohon dan tidak juga menunjukkan hasrat mahu memohon kelulusan CAAM biarpun secara tidak langsung beroperasi untuk jangka masa panjang di negara ini.

**Apa syor biro siasatan?**

Jet Valet perlu meningkatkan latihan kepada semua kru pesawatnya termasuk mematuhi protokol penerbangan yang penting.

Jet Valet mesti memastikan peraturan penerbangan awam termasuk mematuhi sepenuhnya kebenaran terbang di luar jadual.

Jet Valet dan KAPB perlu laksanakan sistem pengurusan keselamatan dan tambah baik komunikasi

Jet Valet mesti menyemak dan mengemas kini prosedur operasi termasuk amaran dan penerangan jelas sistem kritikal

CAAM harus semak semula peraturan berkaitan operasi pesawat luar oleh pengendali asing bagi memastikan operasi selamat.

**Apa reaksi menteri pengangkutan?**

Menteri Pengangkutan Anthony Loke mahu



**Kedudukan juruterbang (kiri) dalam kokpit pesawat model Hawker Beechcraft Premier I**

CAAM menambah baik kelompongan peraturan melibatkan pesawat yang berdaftar di luar negara tetapi beroperasi di Malaysia.

Beliau menyerahkan kepada CAAM untuk membuat siasatan lanjut sama ada pemilik pesawat nahas melanggar peraturan atau undang-undang penerbangan awam negara.

**Apa reaksi CAAM?**

CAAM sudah mula menyemak peraturan berkaitan pengendalian pesawat berdaftar asing (Peraturan 147 Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016), kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Kapten Norazman Mahmud. Semakan itu selaras dengan cadangan keselamatan Biro Siasatan Kemalangan Udara. CAAM jangka cadangan peraturan baharu akan dikeluarkan sebelum akhir tahun ini.

**Apa reaksi waris?**

Keluarga Allahyarham Datuk Seri Johari Harun bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat terbabit, lapor Astro Awani. Keluarga Muhamad Hafiz, penghantar panggilan yang terbunuh di tempat kejadian, pula reda dengan apa yang terjadi dan tidak mahu memanjangkan isu, lapor Harian Metro.

Isteri kepada juruterbang Heikal Aras, Christine Yong, menulis di Instagram, enggan menerima bulat-bulat laporan siasatan sebaliknya menuntut untuk mendengar rakaman perakam suara kokpit.



**Tuul lift dump pada kokpit ditemui di lokasi nahas. Foto daripada laporan BSKU**



**Contoh panel lift dump spoiler pada sayap pesawat model lain**

Sumber portal execflyer.com

SIDANG PENGARANG

Ketua pengarang:  
**Fazallah Pit**  
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:  
**Afeeqa Afeera Abdul Rasol**  
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:  
**Afix Redzuan**  
**Faridzwan Abdul Ghafar**

Pemangku ketua wartawan:  
**Nadiah Zamlus**  
sitinadiah@mediaselangor.com

Jurufoto kanan:  
**Ahmad Zakki Jilan, Hafiz Othman**

Ketua artis grafik:  
**Azwa Malek**

Editorial: **info@mediaselangor.com**  
Iklan: **sales@mediaselangor.com**  
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

SelangorTV:  
**Marniza Othman**  
marniza@mediaselangor.com  
**Ameen Azizul**  
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:  
**Suziana Zulkifli**  
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:  
**Alang Bendahara**  
alang@mediaselangor.com



**MediaSelangor**

Media Selangor Sdn Bhd,  
Aras 11 Menara Bank Rakyat,  
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856



# Bina kekayaan baharu Bumiputera

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**P**erdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meneruskan legasi perdana menteri kedua Tun Abdul Razak Hussein dalam mengangkat ekonomi Bumiputera dan menyusun pembangunan negara.

Jika Abdul Razak dikenali kerana Dasar Ekonomi Baharu pada 1970, Anwar pula memperkenalkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35).

“Maka itulah kebijaksanaan pemimpin lalu khususnya almarhum Tun Abdul Razak tatkala merangka Dasar Ekonomi Baru.

“Tapi pimpinan dan juga masa beredar yang menuntut generasi penerus memikir langkah-langkah berikut yang harus dijamin lebih berkesan,” kata Anwar dalam ucapan peluncuran pelan itu pada 19 Ogos.

PuTERA35 hasil Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 wadah Kerajaan Perpaduan memperkasa dan menyusun semula pembangunan ekonomi Bumiputera seiring peredaran zaman.

Tiga matlamat pelan berkenaan melibatkan sektor awam, swasta, pemain industri, akademik, wakil pertubuhan masyarakat sivil serta pemimpin masyarakat termasuk bukan Bumiputera iaitu:-

- bangunkan Bumiputera bercirikan dinamik dan futuristik yang mampu mendepani isu serta cabaran semasa dan yang akan datang
- tetapkan sasaran lebih jelas bagi mengukur tahap penyertaan, pemilikan dan penguasaan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna
- bangunkan mekanisme pemantauan lebih berkesan melalui penetapan pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan setiap ikhtiar

PuTERA35 yang dipantau Majlis Ekonomi Bumiputera menekankan penyertaan Bumiputera dalam sektor pertumbuhan bernilai tinggi (HGHV) berasaskan teknologi termaju. Fokus terarah kepada penyelidikan dan pembangunan inovasi dalam kalangan anak watan.

Ia dijayakan dalam tempoh 10 tahun membabitkan jangka masa pendek antara 2024 hingga 2026 menerusi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK 13).

Bagi jangka masa sederhana dari 2024 hingga 2030, pelan dilaksana dalam RMK 13 hingga Kajian Separuh Penggal RMK 13. Jangka masa panjang antara 2024 hingga 2035 pula menerusi RMK 13 dan Rancangan Malaysia ke-14.

## Penunjuk pencapaian

Terdapat sembilan penunjuk pencapaian



Sumber Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035

PuTERA35 menjelang 2035 iaitu:

- 70 peratus penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan mahir
- 30 peratus pemilikan ekuiti dan agensi mandat Bumiputera
- 20 peratus penyertaan dan penguasaan Bumiputera melalui ekuiti syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
- sifar peratus kemiskinan tegar Bumiputera
- 0.9:1 nisbah gaji dan upah penengah bulanan Bumiputera kepada Cina
- 0.9: 1 nisbah pendapatan penengah bulanan Bumiputera kepada Cina
- 97 peratus siswazah Bumiputera dalam tenaga kerja
- 75 peratus isi rumah Bumiputera memiliki seunit kediaman
- 15 peratus sumbangan perusahaan Bumiputera kepada Keluaran Dalam Negara Kasar

Bagi mencapai sasaran, pelaksanaan pelan membabitkan tiga teras, 12 pemacu dan 132 ikhtiar.

Teras 1 memperkuh pasak ekonomi negara melalui lima pemacu dan 71 ikhtiar termasuk penggubalan pelan induk bersepadu tanah rizab Melayu dan tanah wakaf – aset penting menjana kekayaan Bumiputera dengan meningkatkan pemilikan rumah.

Teras 2 pula memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi. Ia ada tiga pemacu melalui 20 ikhtiar. Sebahagian ikhtiar ialah mewujudkan Suruhanjaya Ekonomi Gig dan mensyaratkan kementerian dan agensi membeli cenderung keluaran pengusaha seni tempatan.

Teras 3 menegakkan keadilan sosial melibatkan empat pemacu dan sebanyak 41 ikhtiar dijalankan bawah teras itu. Ia termasuk meminda perlembagaan persekutuan meletakkan pembangunan Orang Asli bawah senarai tiga – tanggungjawab bersama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.





**PRIHATIN...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan bantuan Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat 2.0 sempena Madani Rakyat Zon Selatan 2024 di Dataran UTM Skudai, Johor pada 18 Ogos. Turut sama (dari kiri) Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul, Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Dagangan berkembang 10 peratus

# Pertumbuhan atasi jangkitan awal

**SHAH ALAM** - Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat 5.9 peratus pada suku kedua tahun ini, naik berbanding suku pertama iaitu 4.2 peratus, menurut Kementerian Kewangan.

Peningkatan itu menjadikan kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi separuh penggal pertama tahun ini sebanyak 5.1 peratus berbanding 4.1 peratus dalam tempoh sama tahun lalu.

"Kadar itu meletak negara dalam kedudukan selesa untuk menutup tahun ini pada pertumbuhan tinggi di ambang unjuran rasmi empat hingga lima peratus," kata kenyataan pada 16 Ogos.

Prestasi itu mengatasi situasi global yang tidak menentu hingga melemahkan pertumbuhan kebanyakan negara sekali gus membuktikan reformasi pe-

ngurusan ekonomi negara membuah-kan hasil.

Pertumbuhan itu juga selaras penunjuk ekonomi antaranya:

- jumlah pekerjaan naik 2.8 peratus manakala pengangguran kekal 3.3 peratus
- inflasi kekal rendah pada 1.9 berbanding 1.7 peratus
- jumlah dagangan berkembang 10 peratus dengan lebih RM32 bilion
- pelaburan langsung asing (FDI) bersih RM9.1 bilion
- ringgit mengukuh, cecah tahap tertinggi dalam tempoh 16 tahun

Mengikut perbandingan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan

negara jiran untuk tempoh sama, Singapura mencatat KDNK 2.9 peratus, Indonesia (5.1 peratus), Filipina (6.3 peratus).

Kenyataan juga menyebut momentum pertumbuhan separuh pertama 2024 yang pesat melambangkan asas negara kukuh seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

Kejayaan berkenaan dikecapi meskipun Malaysia terpaksa berdepan isu ketidakpastian global termasuk ketegangan geopolitik dan gangguan rantaian bekalan.

Pertumbuhan itu melangkaui jangkauan separuh pertama 2024 seterusnya meletak kerajaan pada kedudukan ampuh untuk mencapai sasaran defisit fiskal 4.3 peratus.

## Pakar: Bukti ekonomi mengukuh

**SHAH ALAM** - Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih baik pada suku kedua tahun ini mencerminkan keyakinan orang ramai terhadap pasaran tempatan, kata pakar ekonomi.

Prof Emeritus Barjoyai Bardai memberitahu keadaan itu membawa keteguhan perbelanjaan swasta dan

tempatan yang dikenal pasti penyumbang kepada peningkatan ekonomi.

"Perbelanjaan isi rumah, disokong subsidi tambahan dan faktor lain menjadi pemacu utama. Ini menandakan bahawa isi rumah semakin yakin terhadap ekonomi dan prospek masa depan.

"Kesannya, mereka akan berbelanja

lebih sekali gus menyebabkan peningkatan import berbanding eksport," katanya kepada Selangor Journal.

Beliau berkata kerajaan perlu memastikan keyakinan orang ramai terhadap ekonomi kekal positif selain menggalakkan perbelanjaan berterusan bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

## Saran swasta teliti semula skim gaji

**SHAH ALAM** - Sektor swasta terutama syarikat yang mencatat keuntungan tinggi disaran meneliti semula skim gaji bagi memberi imbuhan yang lebih munasabah kepada pekerja.

Menurut Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, reformasi gaji perkhidmatan awam merupakan mesej untuk sektor itu menaikkan gaji agar tekanan kos hidup pekerja berkurangan, lapor Bernama.

"Saya harap sektor swasta akan meneliti semula (gaji) supaya tekanan kepada rakyat, golongan pekerja itu dapat dikurangkan.

"Dengan ada skim kenaikan gaji yang lebih munasabah terutama syarikat yang mencatat keuntungan besar. Tak ada sebab kenapa gaji kurang daripada RM2,000," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 bertema Perkhidmatan Awam Madani di Putrajaya pada 16 Ogos.

## Pencen, bantuan veteran tentera naik

**PUTRAJAYA** - Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak berpencen bakal menikmati pertambahan Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada RM300 kepada RM500 sebulan.

"Tidak dilupa, pengorbanan dan khidmat bakti anggota tentera. Pertimbangan ini bagi membantu meringankan beban kos sara hidup veteran ATM," kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau juga memberitahu pesara juga menikmati kenaikan pencen mulai Disember berdasarkan gaji akhir mereka selaras kadar gaji baharu penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam.

## Rawat 120 warga Palestin di Malaysia

**SHAH ALAM** - Dua pesawat Airbus A-400M milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang membawa rakyat Palestin yang cedera tiba di Pangkalan Udara Subang sekitar jam 2 petang pada 16 Ogos.

Pesawat pertama mendarat jam pada pukul 2 petang manakala pesawat kedua mendarat beberapa minit kemudian. Kedua-dua berlepas dari Pangkalan Udara Al Maza, di Kaherah, Mesir malam sebelumnya.

Menurut Duta Mesir ke Malaysia Ragai Nasr, kedua-dua pesawat tersebut membawa seramai 40 warga Palestin yang cedera dan 80 saudara-mara mereka untuk menerima rawatan.

Pada 5 Ogos, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Malaysia sedia membawa sebahagian rakyat Palestin yang cedera dizalimi rejim Zionis terutama wanita dan kanak-kanak.



## Satu rumah satu Jalur Gemilang

**SHAH ALAM** - Inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang bakal rancak lagi dalam tempoh seminggu sebelum menjelang Hari Kebangsaan pada 31 Ogos, kata Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil.

Beliau memberitahu bangunan kerajaan dan swasta juga mula mengibar Jalur Gemilang di premis masing-masing untuk bersama-sama menyemarakkan semangat merdeka, lapor Bernama.

"Banyak bangunan mula memperagakan Jalur Gemilang. Kita berharap program ini mencapai matlamat," katanya ditemui di Program Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi di sini pada 18 Ogos.

Menurut Fahmi yang juga ahli parlimen Lembah Pantai, edaran 1,000 Jalur Gemilang itu untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan penduduk di kawasan tersebut.

"Pastikan Jalur Gemilang yang dikibar dalam keadaan baik, tidak lusuh, tidak koyak dan dipasang dengan cara betul," katanya lagi.

## Wajib letak notis AI di media sosial

**SHAH ALAM** - Pengendali media sosial perlu meletak notis tertera kecerdasan buatan (AI) dalam setiap kandungan yang menggunakan teknologi itu bagi mengelak situasi pengguna terpedaya.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil memberitahu mereka mesti bertanggungjawab terhadap segala paparan yang dimuat naik ke pelantar masing-masing, lapor Bernama.

"Sekiranya sesuatu bahan itu dihasilkan melalui generatif AI, seharusnya platform ini meletakkan tanda dengan notis paparan AI atau generated by artificial intelligence.

"Di situ, pengguna tahu (kandungan) itu adalah AI," katanya mengulas kes selebriti media sosial Khairul Aming yang menjadi mangsa video palsu menggunakan teknologi 'deep fake'.

## Larangan guna dron mulai 26 Ogos

**KUALA LUMPUR** - Orang ramai dilarang menggunakan dron tanpa kelulusan di semua lokasi perarakan di seluruh negara antara 26 hingga 31 Ogos sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Menurut Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), arahan itu bertujuan mengelak berlakunya kejadian tidak diingini melibatkan aspek keselamatan orang awam, lapor Bernama.

Larangan itu juga bertujuan mengelak risiko kemalangan terhadap pesawat tentera, polis dan bomba yang menjalani latihan dan pertunjukan penerbangan formasi rendah di beberapa lokasi.

Untuk pertanyaan, e-mel kepada drone.taskforce@caam.gov.my atau layari laman sesawang www.caam.gov.my

# Hasut rakyat isu institusi raja

**SHAH ALAM** - Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah menzahir kemurkaan terhadap kenyataan Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam isu pelantikan perdana menteri.

Titahnya, pengerusi Perikatan Nasional itu secara sinis mempertikai tugas Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16.

"Kenyataan Muhyiddin itu manipulasi fakta dan membawa naratif negatif kepada rakyat bahawa Sultan Abdullah seolah-olah tidak berlaku adil semasa memilih perdana menteri ke-10.

"Kenyataan beliau ini juga kelihatan tidak matang, menampakkan seolah-olah beliau masih tidak boleh

menerima kenyataan yang beliau tidak dilantik sebagai perdana menteri.

"Kenyataan ini juga sangat bahaya kerana secara terang-terangan menghasut rakyat agar hilang kepercayaan terhadap institusi Raja-Raja Melayu serta memecah belah rakyat," titah Baginda.

Tengku Hassanal dalam kenyataan pada 9 Ogos berharap polis mengambil tindakan tegas tanpa kompromi terhadap Muhyiddin yang secara sengaja menyentuh sentimen kaum, agama dan raja.

Baginda juga menegaskan Sultan Abdullah tidak sewenang-wenangnya membuat keputusan untuk melantik perdana menteri walaupun Perlembagaan memberi kuasa mutlak kepada

Baginda.

Titah Baginda lagi, Sultan Abdullah juga memanggil pakar perlembagaan, penjawat awam utama negara serta mendapatkan pandangan Majlis Raja-Raja sebelum pelantikan tersebut dibuat.

Menurut Tengku Hassanal, usul undi percaya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Disember 2022 selari dengan pertimbangan Sultan Abdullah semasa membuat pemilihan perdana menteri.

Rakaman ucapan Muhyiddin dalam ceramah pilihan raya kecil Nenggiri di Felda Perasu, Kelantan pada 15 Ogos dikatakan menyentuh kewibawaan Sultan Abdullah dan tersebar di media sosial.

## Setara kaum lain

# Utama bumiputera bangunkan ekonomi

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANUAR**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Perpaduan beriltizam untuk memastikan agenda Bumiputera terus diutamakan dalam setiap perancangan pembangunan sosioekonomi negara.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata komitmen itu sama sekali tidak menafikan hak kaum lain sebaliknya memanfaatkan semua golongan dalam aspek kemajuan negara.

Beliau menjelaskan banyak ruang dan peluang untuk Bumiputera bangkit supaya berupaya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lain selain gah bersaing di pentas dunia.

"Masih ada ruang dan peluang untuk kita bermuhasabah dan berikhtiar

dalam mencari penyelesaian terbaik agar sosioekonomi kaum Bumiputera lebih maju dan makmur.

"Ini dilakukan melalui reformasi struktur ekonomi ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi," katanya dalam pelancaran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 pada 19 Ogos.

Katanya, hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera juga belum tercapai sepenuhnya memandangkan perusahaan golongan itu dilihat kurang keupayaan dan kemampuan untuk mencipta nilai.

Rafizi menambah Bumiputera mewakili 70.1 peratus daripada 30.4 juta warganegara Malaysia tahun lalu, dengan 22 peratus mewakili bu-

miputera Sabah dan Sarawak serta Orang Asli.

Bagaimanapun, katanya, kadar pengangguran Bumiputera tinggi, mewakili 387,800 orang atau 61.5 peratus daripada bilangan keseluruhan 630,400 penganggur berdasarkan banciaan pada 2022.

"Sebanyak 70.8 peratus Bumiputera yang menganggur daripada belia berumur antara 15 hingga 30 tahun," katanya sambil berharap golongan itu mampu berperanan dalam industri bernilai tinggi.

Kerajaan melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35), hala tuju baharu sebagai langkah proaktif mengangkat darjat dan martabat Bumiputera.

Rancangan itu menggagas tiga teras sejajar Ekonomi Madani iaitu memperkukuh pasak ekonomi negara, kerukunan tatakelola dan institusi dan menegakkan keadilan sosial.



# Tindakan jika sorok salah laku

**PUTRAJAYA** - Mana-mana ketua jabatan yang gagal melapor salah laku pegawai bawahan berdepan tindakan tatatertib seterusnya menjejaskan peluang kenaikan pangkat, kata perdana menteri.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim, mereka bertanggungjawab memperkukuh integriti dan tatakelola dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) menggantikan Skim

Saraan Malaysia.

Beliau memberitahu ketua jabatan perlu melaksanakan pusingan kerja (job rotation) secara berterusan bagi mengelak berlaku kes salah laku dalam kalangan pegawai awam.

"Ada guru besar, ketua jabatan mahu jaga imej jabatan dan sekolah, budak (murid) didera separuh mati tidak dilapor kepada polis.

"Ada ketua jabatan tahu pegawai mempunyai kekayaan yang lebih, tidak dilapor. Maka kalau itu terbukti tidak dilapor, ketua jabatan tidak akan dinaikkan pangkat," katanya.

Beliau memberi amaran sedemikian selain pembaharuan lain SSPA dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19 di sini pada 16 Ogos.





**TERUJA...** Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin (tengah) bermesra dengan kucing dan pengunjung ketika Perasmian Taman Kucing Klang di Bandar Bukit Raja, Klang pada 18 Ogos. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ► BERITA MUKA 20

## 8,000 sertai PJ Half Marathon

# Jumlah peserta luar negara meningkat

Oleh **SOFIA NASIR**

**PETALING JAYA** - Acara larian terulung di Petaling Jaya, PJ Half Marathon disertai 8,000 peserta termasuk pelari antarabangsa daripada 39 negara.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samingon berkata larian edisi ke-34 itu menyaksikan peningkatan penyertaan peserta antarabangsa iaitu keseluruhan 250 penyertaan.

"Penganjuran kali ini kita terima sambutan baik daripada peserta luar negara sekali gus membuktikan acara ini ditung-

gu-tunggu oleh peminat sukan larian antarabangsa.

"Penyertaan paling ramai tahun ini daripada India dengan 35 peserta, Jepun (28), Singapura (21) dan United Kingdom dengan 18 peserta," katanya pada 18 Ogos.

Acara seawal jam 3.40 pagi itu menyaksikan lima kategori dipertanding antaranya 30 kilometer (km) terbuka, 21km terbuka, 10km terbuka dan 5km Fun Run serta 1km Fun Run bertema Anime.

Mohamad Zahri juga berhasrat menambah nilai ganjaran pemenang dalam penganjuran PJ Half Marathon tahun

depan, seiring peningkatan penyertaan yang diterima saban tahun.

"Tahun depan kita akan tambah nilai hadiah kepada peserta. Kita akan bincang balik, (ini) kerana kita terima sambutan menggalakkan setiap tahun," katanya.

Mengulas dakwaan penganjuran PJ Half Marathon tiada permit, beliau menjelaskan isu tersebut tidak timbul berikutan MBPJ memperoleh kebenaran Kementerian Belia dan Sukan.

PJ Half Marathon dianjurkan bersama Persatuan Olahraga PARA Selangor (POPS) dengan kerjasama Puncak Ventures SRA Sdn Bhd.

## Bangun bandar pintar rendah karbon

**PETALING JAYA** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bekerjasama dengan HCK Capital Group Berhad (HCK) membangunkan bandar pintar bagi memperkasa bandar raya rendah karbon.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNS Ir Md Kamarzan Md Rais berkata bandar pintar di tanah seluas 10 ekar di Subang Perdana berasaskan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Beliau juga menjelaskan PKNS memiliki 30 peratus kepentingan dalam projek berkenaan melalui hasil kerjasama julung

kali dengan HCK yang bakal dijayakan mengikut perancangan.

"PKNS alu-alukan kerjasama dengan pemaju lain dalam membangunkan bandar pintar yang lengkap pelbagai kemudahan," katanya selepas majlis pecah tanah di Galeri Hartanah e-Sentral di sini.

Pengarah Urusan Kumpulan HCK Datuk Dr Dennis Ling dalam program pada 15 Ogos itu menjelaskan bandar pintar tersebut terbahagi kepada dua fasa dijadual dibangunkan mulai bulan depan.

Beliau menambah projek berkenaan

bakal menjadi mercu tanda bagi pasaran hartanah yang mengetengah konsep bandar pintar berunsur alam semula jadi dan dilengkapi teknologi tinggi.

"Pemilihan Subang Perdana kerana kawasannya strategik iaitu bersebelahan dengan hutan. Dengan pembangunan bandar pintar ini, ia sebahagian perancangan ke arah bandar rendah karbon.

"Kita tawarkan 3,000 unit bagi kedua-dua fasa pada harga RM300,000 hingga RM550,000. Fasa pertama dibangunkan bulan depan. Keseluruhan projek siap dalam tiga tahun setengah," katanya.

## MBPJ edar 2,000 Jalur Gemilang

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengedar kira-kira 2,000 Jalur Gemilang percuma kepada orang ramai sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samingon memberitahu edaran menerusi ahli majlis itu bertujuan menggalakkan setiap premis dipasang bendera kebangsaan.

"Kita edar 2,000 bendera percuma kepada semua ahli majlis dan mereka akan serahkan kepada penduduk di kawasan masing-masing. Ini bagi menggalakkan semua premis kibar Jalur Gemilang.

"Tahun ini juga kita ada 23 acara bagi menyemarakkan bulan kemerdekaan, antaranya seperti pertandingan sajak dan pertandingan lagu patriotik," katanya pada 18 Ogos.

## Pelawa orang awam ambil kucing angkat

**KLANG** - Orang ramai yang berminat mengambil kucing angkat untuk dipelihara boleh ke Taman Kucing Klang di Bandar Bukit Raja di sini.

Datuk Bandarnya Datin Paduka Noraini Roslan menjelaskan inisiatif Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) itu bertujuan mengurangkan populasi dan menyelamatkan kucing jalanan.

"MBDK dengan kerjasama Sime Darby Property mewujudkan taman kucing kerana mahu menyelamatkan kucing jalanan sekali gus memberi peluang kepada orang awam mengambil kucing untuk dipelihara.

"Pengunjung yang berminat mengambil kucing di sini untuk dipelihara akan diberi kucing yang telah dirawat, benar-benar sihat dan dimandul serta divaksinasi," katanya pada 18 Ogos.

## Serbu tiga premis warga asing

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menyerbu tiga premis kendalian warga asing yang beroperasi tanpa lesen di sekitar Wangsa Permai pada 14 Ogos.

Menurut kenyataan Bahagian Perhubungan Awam Jabatan Korporatnya, tujuh kompaun dikeluarkan selain sitaan pelbagai barangan termasuk produk makanan dari negara luar.

"Berdasarkan hasil risikan, tiga premis ini disyaki beroperasi tanpa kelulusan dan dikendalikan oleh warga asing menggunakan lesen milik warga tempatan.

"Premis ini menyasarkan pelanggan warga mereka sendiri dengan menjual makanan dan barangan runcit dari negara asal selain mengubah suai menjadikan karaoke khas serta perniagaan kedai makan tanpa kelulusan," kata kenyataan.



## Aduan MBSJ menerusi WhatsApp

**SHAH ALAM** - Orang awam boleh melaporkan sebarang aduan atau laporan secara terus kepada jabatan dalam Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerusi WhatsApp.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu menerusi Facebook memaklumkan perkhidmatan itu beroperasi pada hari bekerja antara 8 pagi hingga 5 petang.

"Bermula pada 19 Ogos komuniti bandar raya dan orang ramai boleh menghubungi jabatan dalam MBSJ secara terus melalui aplikasi WhatsApp dengan menghantar mesej pada nombor yang tertera," katanya pada 19 Ogos.

Memetik laporan The Star baru-baru ini, Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Amirul Azizan Abd Rahim mahu mewujudkan saluran WhatsApp bagi memudahkan orang ramai melapor aduan secara terus kepada jabatannya.

"Ia akan berfungsi untuk menghubungkan penduduk dengan lebih cepat kepada PBT. Penduduk perlu mengambil gambar dan menghantar lokasi tepat melalui WhatsApp bagi membolehkan MBSJ membuat tindakan susulan," katanya.

Orang ramai boleh semak senarai talian aduan di [www.facebook.com/MBSSubang-Jaya/posts/518903307169792](http://www.facebook.com/MBSSubang-Jaya/posts/518903307169792)

## Tangani masalah kucing terbiar

**KLANG** - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) membuka Taman Kucing di Bandar Bukit Raja yang pertama di daerah itu yang menelan kos kira-kira RM800,000.

Datuk Bandar Klang Datin Paduka Noraini Roslan memberitahu pembinaan taman seluas 200 ekar itu turut mendapat kerjasama Sime Darby Property.

"Kewujudan taman kucing pertama di daerah ini bagi menangani isu ka-

cau ganggu yang berlaku disebabkan populasi kucing terbiar yang semakin meningkat ketika ini.

"Justeru, kami berbesar hati menjalin usaha sama Sime Darby Property bagi mewujudkan taman ini sekali gus menjadikannya tempat selamat dan penuh kasih sayang untuk kucing," katanya.

Beliau menyampaikan sembah ucapan perasmian Taman Kucing di Bandar Bukit Raja di sini pada 18 Ogos yang

disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin.

Menurut Noraini, taman yang mampu memuatkan 150 kucing itu turut dilengkapi bilik pemencilan, bilik rawatan, rumah kucing, kawasan bermain, kamera litar tertutup dan pejabat urusan.

Beliau menambah orang awam juga dipelawa memberi sumbangan sama ada dalam bentuk makanan atau pasir bagi membantu MBDK memelihara haiwan itu.



## Cipta produk kosmetik

# Nenek rangkul anugerah usahawan

Oleh **SHEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Wanita berusia 54 tahun yang memiliki tiga cucu dinobat sebagai

penerima Anugerah Usahawan dalam Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Selangor 2024 pada 12 Ogos.

Menurut Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL), Choo Siew Joon adalah lepasan Sijil Perkhidmatan Logistik KKKL cawangan Sepang.

"Joon mula menceburkan diri dalam bidang inovasi dalam Pertandingan Innocomp: Reka Cipta Eko Friendly Project dan merangkul johan kategori bukan teknikal.

"Dalam pertandingan itu, Joon mencipta produk Pink Masker yang dihasilkan daripada buah naga khas untuk penjagaan kulit wajah," kata kenyataan.

Ibu lima anak itu turut menjual buah naga dan produk berasaskan buah itu seperti aiskrim dan kerepek untuk me-

nyara kehidupannya dan keluarga sebelum melanjutkan pengajian.

Usai melanjutkan pengajian, Joon mengembangkan lagi perniagaan dengan mendaftar syarikat miliknya DHA Heritage Venture berstatus milikan tunggal pada Januari 2023.

Difahamkan, ia juga atas bantuan pensyarah Program Sijil Perkhidmatan Logistik Roslina Ahmad serta pensyarah lain.

Sebelum ini, Joon membawa pulang geran RM10,000 selepas mendapat tempat kedua Anugerah Khas Keusahawanan Digital & Inovatif Kategori Syarikat Pemula Siswa Terbaik.

Beliau turut memenangi tempat ketiga: Kategori Asas Tani bagi Pertandingan Anugerah Inovasi Pertanian Selangor 2023.



**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

### KENYATAAN TENDER

- Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor - kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	TARIKH IKLAN	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/LAND/14/2024	CADANGAN MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN (OUTDOOR DAN INDOOR) MESRA AUTISME (PRISMA) DI TAMAN TASIK CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024	CIDB, SPKK DAN G3 DAN Kategori B @ CE (B09 @ CE14) & (CE21) DAN UPEN	Tarikh Buka : 21 Ogos 2024  Tarikh Tutup : 19 September 2024	RM 200.00
- Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **28 Ogos 2024** hingga **19 September 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **"Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang"**.
- Kontraktor-kontraktor (**HANYA PENAMA DI DALAM LESEN DENGAN MEMBAWA SIJIL ASAL**) adalah **diwajibkan** untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri ditempat, tarikh dan masa seperti berikut:-

**Tarikh** : 28 Ogos 2024  
**Masa Pendaftaran** : 10.00 – 10.30 Pagi  
**Masa Taklimat** : 10.30 Pagi  
**Tempat berkumpul** : Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor  
**Nota** : Kegagalan kontraktor hadir pada waktu pendaftaran yang ditetapkan boleh menyebabkan kontraktor tidak boleh hadir taklimat, seterusnya tidak boleh membeli dokumen tender ini.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **19 September 2024**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Jabatan Landskap (03-88005271 ext 4027)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
- Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

## Kerjasama terbit buku

**SHAH ALAM** - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama dua agensi pengendali buku dari China di Guangzhou pada 16 Ogos.

Menurut PPAS, kerjasama memabitkan Pesta Buku China Selatan dan Southern Publishing Media Co Ltd bertujuan mewujudkan kerjasama dalam bidang penerbitan, pendidikan dan latihan.

"Kedua-dua MoU ini ditandatangani bertujuan untuk mewujudkan perkongsian pintar melalui pertukaran idea, pengetahuan dan kepakaran.

"Ia bertujuan mewujudkan projek yang saling menguntungkan sekali gus menggalakkan silang budaya,

pembangunan sosial dan pertumbuhan ekonomi," kata kenyataan pada 17 Ogos.

PPAS diwakili Pengarahnya Datin Paduka Mastura Muhammad manakala Weng Xuhui mewakili Festival Buku China Selatan dan Chen Bing selaku Pengarah Jabatan Antarabangsa di Southern Publishing Media Co Ltd.

Pemeteraian itu berlangsung di Pavilion Selangor sempena Pesta Buku China Selatan di Guangzhou selama lima hari sejak 16 Ogos.

Mastura dalam ucapannya menjelaskan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memainkan peranan penting dalam hubungan antara Selangor dan Guangzhou.





**CERGAS...** Peserta kategori 21 kilometer Larian PJ Half Marathon memulakan saingan di Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Petaling Jaya pada 18 Ogos. Foto MBPJ

## Akhir Piala FA 24 Ogos lawan JDT

# Raih piala sultan suntik semangat

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**KUALA LUMPUR** - Kejayaan Pilihan Selangor merangkul kejuaraan Piala Sultan Selangor (TSSC) 2024 menyuntik semangat Selangor FC menjelang aksi akhir Piala FA di Stadium Nasional Bukit Jalil hujung minggu ini.

Pemain sayap Selangor FC Faisal Halim berkata kemenangan ke atas Pilihan Singapura juga menaikkan moral seluruh pasukan yang giat membuat persiapan bertemu Johor Darul Ta'zim (JDT).

"Kita akan memberi terbaik untuk penyokong dan rakyat Selangor pada perlawanan akhir piala FA nanti.

"Tidak kira apa jua keputusan sama

ada menang atau kalah kita kena terima. Selangor FC akan berjuang pada Sabtu ini (24 Ogos)," katanya selepas perlawanan TSSC di Stadium Merdeka pada 17 Ogos.

Pemain yang lebih mesra dikenali sebagai Mickey itu juga meluahkan rasa gembira dapat beraksi selama 45 minit pada perlawanan piala berprestij itu sebagai ketua pasukan.

Beliau berkata rakan sepasukannya memberi sokongan dan motivasi luar biasa untuknya kembali beraksi pada tahap terbaik.

"Alhamdulillah perlawanan pertama saya beraksi dalam kesebelasan utama mendapat adaptasi intensiti permainan. Namun, memerlukan lebih masa untuk kembali mendapat rentak.

"Pada perlawanan beraksi sepanjang 45 minit ini, saya hanya memberi setakat yang mampu. Harap semua pihak memberi ruang untuk saya dapatkan kekuatan dan kecergasan tahap terbaik," kongsinya.

Ketua jurulatih Selangor FC menjelaskan pemilihan Faisal dalam perlawanan itu bagi membolehkan beliau mendapat lebih banyak minit permainan.

Walaupun belum mencapai tahap diperlukan, Nidzam Jamil berkata tonggak serangan itu mempamer perkembangan terbaik ketika ini.

Selangor FC menewaskan Terengganu FC dengan agregat 6-4 untuk mara perlawanan akhir manakala juara bertahan JDT mengatasi Kedah Darul Aman (KDA FC) dengan agregat 5-1.

## Faisal perlu masa tingkat prestasi

**SHAH ALAM** - Pemain sayap Selangor FC Faisal Halim mengakui beliau memerlukan masa untuk mencapai prestasi maksimum meski kembali sebagai kesebelasan utama dalam Piala Sultan Selangor 2024 (TSSC) pada 17 Ogos.

Katanya, aksi pada babak pertama bukanlah persembahan terbaiknya, tetapi ia perkembangan positif dan menjadi penanda aras untuk menilai semula tahap kemampuannya di padang.

"Walaupun mengalami sedikit kecederaan seperti jatuh dan tangan kiri terkepak dalam perlawanan itu saya dapat rasakan apa yang mengganggu prestasi saya.

"Tiada kecederaan serius, dan saya melihat ini sebagai kemajuan yang baik untuk diri saya. Kini, saya lebih yakin dan ingin fokus untuk meningkatkan kecergasan serta kekuatan saya," katanya seperti dilapor Bernama.

Pada aksi tersebut Pilihan Selangor

sekali lagi menjulang kejuaraan TSSC untuk edisi ketiga berturut-turut selepas menewaskan Pilihan Singapura 2-1.

Faisal membuat kemunculan pertama di khalayak ramai pada 16 Jun dalam perlawanan Piala FA antara Selangor FC dan Negeri Sembilan FC.

Pada 5 Mei, Faisal mengalami kecederaan melecur tahap empat pada beberapa bahagian badan selepas disimbah asid di sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya

## Tiga atlet ke sukan SEA Bangkok

**SHAH ALAM** - Tiga atlet olahraga negara cemerlang di Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak melepasi had kelayakan ke Sukan SEA Bangkok 2025 pada 19 Ogos.

Tiga atlet itu ialah pelari pecut wanita Nur Afrina Batrisyia Mohamad Rizal, jaguh lontar peluru Jonah Chang Rigan dan atlet 20,000 meter (m) lumba jalan kaki Khor Jing Hong.

Mereka menepati had kelayakan untuk layak secara merit iaitu menyamai catatan atlet yang memenangi pingat gangsa dalam acara masing-masing pada edisi terakhir di Sukan SEA di Kemboja tahun lalu.

Jonah dan Jing Hong meraih emas serta memperbaharui rekod SUKMA manakala Nur Afrina Batrisyia mengungguli saingan 100m wanita, lapor Berita Harian.

## Kecederaan tidak gugat Zi Xian

**KUCHING** - Kecederaan buku lali beberapa minggu sebelum temasya Sukan Malaysia (SUKMA) tidak menghalang perenang muda Selangor Khew Zi Xian melakar kejayaan berganda.

Lebih manis, atlet berusia 16 tahun itu menggenggam pingat emas acara 100 meter (m) gaya bebas dan 200m gaya bebas individu wanita (perak) dalam penampilan sulung di temasya dwitahunan itu.

"Saya akui gugup sebelum memulakan acara dan perasaan pula bercampur baur. Saya cemas dan tidak yakin tetapi cuba sedaya upaya fokus terhadap diri sendiri serta positif. Saya gembira dengan keputusan ini," katanya hari ini.

Zi Xian turut memperoleh emas dalam acara 4x100m rampaian berganti-ganti dengan masa 4.00.30 saat.

## Perenang negara pecah dua rekod

**SHAH ALAM** - Perenang kebangsaan Bryan Leong memecahkan rekod acara 50 meter kuak kupu-kupu lelaki Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2024 sebanyak dua kali di Pusat Akuatik Pandelega Rinong pada 20 Ogos.

Bryan, pelajar neurosains dan psikologi di King's College London memecah rekod SUKMA berusia 10 tahun milik Chan Jie 25.13 saat yang dilakukannya pada peringkat saringan dengan 24.81s, lapor Berita Harian.

Perenang berusia 21 tahun dari Wilayah Persekutuan (WP) itu meraih emas dengan catatan 24.46s, tetapi tidak dapat memperbaiki rekod kebangsaan miliknya 24.08s dilakukan di AP Race London International 2024 pada Mei.

Bryan kemudiannya membantu Chong Xin Lin, Cham Yu Xiang dan Lee Wei Wen menghadihkan perak buat kontinjen WP dalam acara 4x100 rampaian campuran yang kali pertama dipertandingkan dengan catatan 4:02.20s.





## MARIAM ABDUL RASHID Meru

memasang Jalur Gemilang  
sempena merdeka  
di Meru, Klang



## CHUA WEI KIAT Rawang

memantau projek naik  
taraf kawasan terbiar  
di Batu Arang, Gombak



## WONG SIEW KI Seri Kembangan

mengedar bendera  
di Taman Sungai  
Besi Indah, Subang Jaya



## DATUK JOHAN ABD AZIZ Dusun Tua

menyampaikan sijil penghargaan  
kepada pelajar cemerlang  
SPM di DUN beliau



## SYED AHMAD ALHADAD Lembah Jaya

menghadiri Bengkel Asas  
Aneka Wangian di Kampung  
Pinggir Tiga Jaya, Ampang Jaya



## DR QUAH PERNG FEI Bandar Baru Klang

menyumbang lampu solar  
untuk padang bola sepak  
Kampung Batu Belah, Klang



## DANIAL AL-RASHID Batu Tiga

serah bendera Malaysia  
kepada wakil penduduk di  
Seksyen 20, Shah Alam



## PUA PEI LING Bukit Lanjan

memantau kerja  
penukaran paip air di  
Selangor Jaya, Gombak



# Gaji punca bidang STEM merosot

**PETALING JAYA** - Gaji rendah, prasarana tidak cukup dan kurangnya pelaburan antara faktor yang menyumbang kepada kemerosotan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Menurut Ahli Dewan Negeri Kampung Tunku Lim Yi Wei, situasi berkenaan turut memberi kesan domino yang membawa kepada kurangnya inovasi teknologi dalam negara.

Katanya, keadaan tersebut menyu-



karkan lagi usaha bagi menarik rakyat tempatan yang mahir dalam bidang STEM tetapi bekerja di luar negara untuk kembali bekerja di Malaysia.

"Dalam sektor awam atau pendidikan tinggi apabila ia melibatkan sains, terdapat isu gaji rendah, kekurangan kemudahan dan peralatan, peluang pengkomersialan terhad dan tidak stabil.

"Jika kerajaan tidak melabur, bagaima-

na kita mahu kembangkan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ini mungkin menyebabkan berlakunya kekurangan inovasi teknologi di Malaysia," katanya.

Berucap dalam Festival Startup PJ 2024 di sini pada 17 Ogos, Yi Wei memberitahu kerajaan telah mengubah dasar dengan menyediakan pelbagai inisiatif bagi membangunkan bidang itu.

"Usaha ini bertujuan untuk memajukan negara dalam rantaian nilai global dan mencapai status negara berpendapatan tinggi," katanya.

## Tumpu selesai tapak sampah haram

# Atasi banjir kilat, isu parkir

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**HULU LANGAT** - Pelbagai isu setempat yang membelenggu penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang diselesaikan dalam tempoh setahun pentadbiran Kerajaan Selangor.

Wakil rakyatnya David Cheong berkata ia mencakupi aspek kebajikan dan alam sekitar termasuk isu kekurangan parkir di Klinik Kesihatan Kajang, banjir kilat dan pembakaran sampah haram.

Beliau menjelaskan kekurangan

parkir di klinik berkenaan ditangani dengan penambahan 154 lagi petak hasil libat urus bersama beberapa pihak berkaitan.

"Bagi isu tapak sampah haram di Twin Palms, kita kerap buat tinjauan dan bawa isu ke sidang dewan hingga akhirnya kerja kecemasan membaik pulih kawasan ini telah dimulakan.

"Isu banjir kilat di Bukit Dukung yang berpunca daripada masalah saluran dan perparitan yang tidak terurus dari kawasan kilang berhampiran juga disele-



saikan," katanya pada 12 Ogos.

David memberitahu beliau juga berusaha untuk menyelesaikan isu tapak sampah haram di Bandar Mahkota Cheras yang sehingga kini belum diputuskan jabatan atau agensi berkaitan.


"Saya lega apabila mendapat makluman setiap jalan utama yang menuju ke kawasan ini telah ditutup kerana pembakaran sampah ini mengeluarkan gas metana yang berbahaya untuk kesihatan.

# Acara menarik sempena merdeka

**KLANG** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru bakal menganjurkan program sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos di Dataran Penghulu, Pekan Meru yang menawarkan pelbagai acara menarik.

Wakil rakyatnya Mariam Abdul Rashid memberitahu pengunjung program mulai 9 pagi hingga 11 malam itu berpeluang menang cabutan bertuah selain menyaksikan persembahan dan aneka jualan.

Beliau menjelaskan kaunter ban-



tuan kebajikan iaitu Iltizam Selangor Penyayang turut dibuka dalam program hasil kerjasama Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat.

"Kita mengalu-alukan penduduk berhampiran untuk hadir pada hari tersebut bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan," katanya baru-baru ini.

Selain itu, Mariam juga berhasrat

untuk menghidupkan kembali nostalgia wayang pacak di DUN Meru sekurang-kurangnya sebulan sekali.

"Kita baharu selesai mengadakan program menonton wayang pacak bersama penduduk dengan kerjasama Jabatan Penerangan Klang. Sambutan diterima cukup memberangsangkan.

"Saya teruja melihat keharmonian kaum apabila wujudnya program seumpama ini. Saya bercadang buat tontonan wayang pacak di Meru sekurang-kurangnya sebulan sekali selepas ini," katanya.

# Tingkat kemudahan empat taman

**SHAH ALAM** - Dana Projek Selangor Penyayang dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kemudahan empat taman rekreasi di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Baru Klang.

Wakil rakyatnya Dr Quah Perng Fei memberitahu peruntukan RM250,000 digunakan untuk menjayakan kerja naik taraf di Taman Berkeley, Taman Seri Pekan dan Bukit Raja.

Meminta orang ramai menjaga

kemudahan tersebut, beliau berkata dana itu antara lainnya diguna pakai bagi menambah baik trek jogging di Jalan Sumazau, Bukit Raja dan Taman Bukit Raja.

"Kita akan sediakan kerusi batu untuk kemudahan beriadah di Taman Bukit Raja dan menambah baik gelanggang bola keranjang di Taman Seri Pekan," katanya di Facebook pada 15 Ogos.

Peruntukan RM24 juta disediakan Kerajaan Selangor dalam belanjawan tahun ini bagi meningkatkan mutu kemudahan awam selain membina prasarana baharu demi manfaat rakyat.

Pentadbiran negeri juga menyediakan RM10 juta bagi mengecat dan membaiki kemudahan pangsapuri kos rendah serta sederhana melebihi 15 tahun manakala dana RM14 juta diagih kepada 56 DUN.

# Azman Adnan meriahkan Piala FA

**SHAH ALAM** - Skrin gergasi menayangkan perlawanan akhir Piala FA antara Selangor FC dan Johor Darul Ta'zim (JDT) akan disediakan di Restoran Haji Basheer, Pinggiran USJ, Sabtu ini.

Wakil rakyat Batu Tiga berkata program bermula 7.30 malam itu bakal disertai legenda bola sepak kebangsaan, yang juga bekas pemain pasukan Red Giants Azman Adnan selain Bunyamin Omar.

Dijangka bakal dimeriahkan sekitar 300 penonton, Danial Al-Rashid Haron memberitahu minuman percuma turut disediakan selain menyediakan aktiviti timbang bola bersama Azman.

"Kita jemput orang ramai hadir untuk berikan semangat kepada pasukan ini.

"Jangan lepaskan peluang menyaksikan perlawanan epik ini dan bertemu dengan legenda bola sepak tanah air," katanya pada 21 Ogos.

# Lebih 1,200 mohon bantuan RM300

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang menerima lebih 1,200 permohonan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) sejak kemudahan kebajikan itu dibuka mulai Julai.

Penyelaras DUN Juwairiya Zulkifli memberitahu pihaknya kini giat menjalankan semakan bagi memastikan hanya yang benar-benar layak memenuhi 480 kuota yang ditetapkan.

"Kita telah luluskan separuh daripada kuota yang diberi untuk DUN Hulu Kelang dan saringan diperketat supaya utamakan benar-benar layak.

"Bantuan keperluan lain selain BINGKAS seperti agihan bakul makanan diteruskan untuk golongan kurang berkemampuan," katanya yang turut memperluas hebahan inisiatif lain seperti Skim Air Darul Ehsan kepada masyarakat.

# Mohon skim air percuma

**SHAH ALAM** - Warganegara yang menetap atau menyewa di Selangor dengan pendapatan isi rumah bawah RM5,000 dipelawa memohon skim air percuma 20 meter padu sebulan.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan permohonan Skim Air Darul Ehsan (SADE) masih dibuka sehingga 31 Disember tahun ini.


"Nak tahu bagaimana anda boleh dapatkan bekalan air percuma ini? Mohon SADE hari ini.

"Layari [www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/](http://www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/) untuk info lanjut," katanya di laman X baru-baru ini.

Syarat permohonan lain ialah kediaman pemohon mesti jenis meter individu dan hanya layak memohon untuk satu akaun sahaja.



# selangorkini



Cerpen, puisi & esei  
**HADIAH SASTERA SELANGOR 2024**  
terbit setiap Sabtu dan Ahad di portal [selangorkini.my](http://selangorkini.my)



## Ratu pecut lakar dua rekod baharu SUKMA

**KUCHING** - Rekod temasya Sukan Malaysia (SUKMA) dalam lima acara berjaya dipecahkan dengan tiga rekod lebur menerusi olahraga pada 20 Ogos.

Ratu Pecut dari Selangor Nur Afrina Batrisyia Mohamad Rizal menjadi pemilik emas dan rekod berganda, apabila muncul juara acara 200m dengan catatan 23.89 saat (s).

Kejayaan manis itu sekali gus memadam rekod 24.37s yang dilakar pelari Perak Noor Eewan Syafiah Mohd Sabri di venue sama pada 2016.

Pada 19 Ogos, pelari berusia 20 tahun itu turut menyambar emas dan meleburkan rekod 16 tahun acara 100m dengan catatan 11.64s.

Rekod sebelum ini dipegang pelari Johor Siti Fatima Mohamad yang mencatat 11.82s pada SUKMA 2008 di Terengganu.

► LAGI LIPUTAN SUKMA MUKA 10-13 & 21

## Andrew pecah rekod kebangsaan

**SHAH ALAM** - Perenang Selangor Andrew Goh, 20, memperbaharui rekod kebangsaan miliknya dalam acara 50 meter (m) kuak dada lelaki Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 pada 21 Ogos.

Beliau mencatat 27.40 saat (s) dalam aksi akhir acara berkenaan sekali gus menang emas ketiga temasya dwitahunan di Pusat Akuatik Pandelega Rinong di sini.

Sebelum itu, beliau mencatat 28.03 saat dalam saringan ketiga acara berkenaan mengatasi 28.10s yang dilakar pada Terbuka Malaysia 2023 di Kuala Lumpur dan rekod SUKMA, 28.86s milik perenang Melaka Foong Wei Tze pada edisi 2018.

Pada 19 Ogos, Andrew memperbaharui rekod kebangsaan 100m kuak dada dengan catatan 1:01.39s, memadam rekod lama miliknya 1:02.30s pada Terbuka Malaysia 2024 dan rekod SUKMA milik Wong Fu Kang 1:03.05s pada edisi 2016.

Andrew turut membantu pasukan 4x100m rampaian campuran meraih emas dengan catatan 4:00.30s.

## Penyokong laung keyakinan

# Harap Selangor FC mampu saingi JDT

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**KUALA LUMPUR** - Penyokong Selangor FC menyuarakan keyakinan terhadap kemampuan pasukan Red Giants untuk meraih kejuaraan Piala FA apabila berdepan Johor Darul Ta'zim (JDT).

Peminat Danish Fikri Azrul Azmi, 22, percaya skuad kendalian Nidzam Jamil berupaya memberi saingan sengit dalam perlawanan akhir di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 24 Ogos.

"Selangor dalam prestasi terbaik dalam Liga Super dan Piala FA sejak kebelakangan ini. Saya ramal Selangor FC menang 2-1 dengan harapan penyerang

baru Ali Olwan jaring gol," katanya.

Beliau antara peminat yang ditemui dalam perlawanan Piala Sultan Selangor (TSSC) antara Pilihan Selangor dan Pilihan Singapura di Stadium Merdeka di sini pada 17 Ogos.

Junaidi Zainuddin, 46, yakin Selangor FC bakal mencipta kejutan meskipun JDT dianggap pasukan pilihan untuk memenangi perlawanan berkenaan.

"Saya meletak peluang buat kedua-dua pasukan adalah 50-50 dalam perlawanan akhir. Saya jangka Selangor FC menang 2-1 hasil jaringan Safuwani Baharudin dan Yohandry Orozco," katanya.

Fadila Ahmad, 58, berpendapat pemain Red Giants bakal turun dengan

membawa semangat Faisal Halim bagi memburu kemenangan sebagai hadiah kepada pemain sayap yang di simbah asid pada Mei.

"Selangor FC agak lama tidak memenangi sebarang piala kejohanan besar, ini juga menyuntik motivasi pemain. Saya yakin menang 2-1," kongsi beliau.

Penyokong Singapura Mohamad Faris Mohamad Razak, 55, pula menyifatkan perlawanan itu pertembungan dua pasukan terbaik negara.

"Sukar ramal pasukan mana akan bergelar juara. Saya berharap Selangor menang untuk Faisal Halim, beliau layak menang piala," katanya yang menjangka sepakan penalti jadi penentuan.

## pancawarna

### Piala erat seteru dua pasukan legenda

Pertandingan eksklusif Selangor-Singapura imbui kehebatan liga bola sepak

9



### Pelan cipta kekayaan baharu Bumiputera

Putrajaya garis agenda bangun ekonomi negara, tumpu teknologi maju

16



### Nahas pesawat di Elmina cetus persoalan

Laporan dedah banyak berlaku kesalahan, pengendali penerbangan tiada lesen

14

